

Jilid I
Bil. 38



Hari Jumaat
3hb Disember, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4903]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (Bil. 2)

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual Pertama—

Maksud B. 9 dan B.13 [Ruangan 4936]

Maksud B. 30 [Ruangan 4944]

Maksud B. 32 [Ruangan 4979]

Maksud B. 34 dan B. 36 [Ruangan 4989]

Jaduai Kedua—

Maksud B. 4, B. 5, B. 7, B. 8 dan B. 9 [Ruangan 4936]

Maksud B. 24 [Ruangan 4942]

Maksud B. 27 [Ruangan 4943]

Maksud B. 33 dan B. 34 [Ruangan 4989]

Maksud B. 37 [Ruangan 5000]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Maksud P. 31 [Ruangan 4944]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982

Jawatankusa (Hari Pertama)—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 4936]

Maksud P. 24 [Ruangan 4942]

Maksud P. 25 [Ruangan 4942]

Maksud P. 26 [Ruangan 4943]

Maksud P. 27 [Ruangan 4943]

Maksud P. 37 [Ruangan 5000]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4980]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (KUALA TERENGGANU).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjung Malim).

Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).

„ Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S., D.A. (Padawan).

Menteri DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).

Tuan Timbalan Yang Dipertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.p. (Air Hitam).

Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., j.p. (Bentong).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P., (Mata Kuching).

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S., (Johor Bahru).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG alias ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PuAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).

DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).

TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).

„ TUAN AWANG BIN **JABAR**, P.J.K. (**Dungun**).

TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

„ TUAN BAHARI BIN HARUN (Labis).

„ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungei Besi).
- TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- TUAN V, GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- DATO' LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MICHAEL TOY AD (Mukah).
- DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- TUAN LING SIE MING (Sibu).
- TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pangkalan Chepa).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
DR TAN SENG GIAW (Kepong).
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
DATINPADUKAZALEHABINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 3hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Thomas Salang Siden tidak hadir).

KENAIKAN PANGKAT
GURU-GURU

2. **Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan beberapa banyak peluang kenaikan pangkat telah diberi kepada guru-guru dalam Kategori D1 dan D2 dalam usaha penubuhan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah yang berlaku baru-baru ini dengan memberikan pecahan mengikut keturunan kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat akibat pengujudan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah, 113 jawatan Kategori D1 telah pun diluluskan. Manakala jawatan-jawatan di Kategori D2 telah tidak diwujudkan. Secara pecahan mengikut keturunan kaum bagi pengisian kesemua jawatan tersebut adalah 98 jawatan telah diisi oleh pegawai-pegawai Melayu, 13 jawatan diisi oleh pegawai Cina dan 2 jawatan diisi oleh pegawai India. Di

antara jawatan-jawatan yang disebutkan di atas 54 daripadanya adalah berada di Tingkatan Tertinggi "G", 3 jawatan di Tingkatan Kanan dan yang bakinya berada di Tingkatan Biasa sahaja. Dengan demikian adalah jelas terdapat 57 jawatan-jawatan baru Kategori D1 yang boleh dinaikkan pangkat bagi pegawai-pegawai Pelajaran sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya pecahan pengisian jawatan Pegawai Pelajaran Daerah tersebut mengikut keturunan kaum adalah 52 jawatan diisi oleh pegawai Melayu, 4 jawatan diisi oleh pegawai keturunan Cina dan 1 jawatan diisi oleh pegawai keturunan India.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan apakah syarat-syarat utama atau garis panduan Kementerian Pelajaran bagi seseorang Pegawai Pelajaran dilantik naik pangkat?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, mengikut "Seniority list".

RTM—BAHASA MALAYSIA DAN
PENERBITAN TEMPATAN

3. **Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi memperbanyakkan lagi terbitan-terbitan di RTM yang bercorak tempatan supaya rakyat akan lebih terasa bahawa mereka sedang benar-benar menikmati siaran dari RTM; dan

(b) apakah langkah-langkah berkesan untuk memastikan penggunaan Bahasa Malaysia Standard di Rancangan-rancangan RTM di lain-lain rangkaian dari semasa ke semasa supaya di satu masa nanti semua Rangkaian menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa pengantarnya.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Adam): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, penerbitan RTM terdiri dari penerbitan Radio dan Televisyen. Penerbitan Radio adalah hampir seratus peratus penerbitan tempatan kecuali ada dalam lingkungan 1% - 2% bahan-bahan rancangan antarabangsa seperti bahan-bahan dari Bangsa-bangsa Bersatu atau bahan-bahan pertukaran rancangan dengan negara-negara sahabat yang disiarkan dari masa ke semasa.

Bagi Rancangan Televisyen pula sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum oleh kerana untuk mengadakan sesuatu filem atau production itu memerlukan kos yang tinggi dan ianya pula satu bidang teknologi yang lebih kompleks untuk mengadakan filem atau penerbitan atau pengeluaran tempatan itu memerlukan suatu perancangan yang rapi serta teliti. Bagi mencapai maksud tersebut RTM telah pun merancang untuk menyiarkan 60% rancangan-rancangan tempatan menjelang tahun 1985.

Antara langkah-langkah penting ke arah pencapaian matlamat itu ialah pelaksanaan kemudahan penerbitan Rancangan TV Peringkat Kawasan (Regional Production Unit) yang akan berpusat di Alor Star bagi kawasan Utara, Kota Bharu bagi kawasan Timur, Johor Bahru bagi kawasan Selatan serta di Sabah dan Sarawak. Langkah ini selain dari menambahkan kusta penerbitan rancangan-rancangan

tempatan akan juga memberi gambaran yang lebih menyeluruh meliputi semua daerah dan kawasan di Malaysia berbanding dengan keadaan sekarang yang kebanyakan rancangan Televisyen terhad kepada aktiviti-aktiviti di sekitar Kuala Lumpur sahaja.

Bagi Soalan (b), langkah pertama supaya penggunaan Bahasa Malaysia standard di Rangkaian Biru, Hijau dan Merah dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan telah diambil baru-baru ini apabila penggunaan Bahasa Malaysia tidak lagi dicampuradukkan tetapi digunakan secara lebih teratur dan tersusun. Peningkatan penggunaan Bahasa Malaysia seterusnya akan dilaksanakan secara evolusi yang menjadi amalan kita selama ini bukan secara revolusi seiring dengan tahap pencapaian agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang juga menunjukkan matlamat penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa cara untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa di Radio sepenuhnya ialah dengan secara evolusi, saya ingin bertanya adakah satu target yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Penerangan untuk mencapai matlamat ini?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, dari segi jangka panjang memang targetnya ada tetapi kita mestilah buat secara berdkit-dikit, lebih-lebih lagi dari segi di rangkaian yang bukan Rangkaian Nasional dan ini kita akan selaraskan dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam Kementerian Pelajaran terutamanya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. (*Dengan izin*) Could the Honourable Minister tell this House whether it is the policy of the Government to use Bahasa Malaysia as the only medium of broadcasting in all the channels in Television as well as ini Radio, and if it is so, whether it is not in contradiction with the Constitutional provisions for this country as it is a' multi-racial nation?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, saya pernah menjawab masalah ini dalam Dewan yang mulia ini bahawa Bahasa Malaysia pasti dan mesti menjadi bahasa utama dan bahasa penyatu dalam negara ini maka Bahasa Malaysia akan mengambil tempat sewajarnya dan kita tidak bercakap dalam jangka masa pendek, kita mestilah bercakap dalam jangka masa panjang untuk mengadakan satu negara, satu bangsa dan satu bahasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sungguhpun Bahasa Malaysia adalah Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan tetapi oleh kerana bahasa-bahasa Cina dan Tamil pun ada tempat dalam Perlembagaan mengikut fasal 152, adakah dalam Radio dan Televisyen Malaysia bahasa Cina dan bahasa Tamil akan mendapat tempat yang sewajarnya mengikut Perlembagaan?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam : Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa utama dan bahasa-bahasa lain akan mendapat tempatnya selagi ada pendengar dan penonton yang mahukan rancangan-rancangan dalam bahasa yang lain.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Penerangan telah menyatakan bahawa matlamat RTM

ialah untuk menerbitkan sekurang-kurangnya 60% rancangan-rancangan tempatan menjelang tahun 1985 dan beliau juga ada menyebutkan bahawa Regional Production Unit akan ditubuhkan di Alor Setar, Kota Bharu, Sarawak dan Sabah.

Saya ingin mengetahui apakah persediaan-persediaan yang dilaksanakan sekarang oleh RTM untuk Regional Production Unit ini kerana mengikut kata Yang Berhormat Menteri tadi kerja-kerja untuk production ini adalah begitu kompleks sekali. Saya ingin tahu bilakah Regional Production Unit ini dimulakan?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, dari segi persediaan awalan telah kita bekalkan van-van EFPU (Electronic Field Production Unit) bagi tiap-tiap kawasan ini yang baru sahaja menerima EPFU van ini di Alor Setar, Kota Bharu dan sebagainya. Ini hanya merupakan tindakan sementara menjelang persediaan-persediaan untuk membina studio-studio yang lebih teratur dan tersusun dengan perbekalan ataupun kelengkapan-kelengkapan yang rapi. Dari segi jangka panjangnya Kementerian sedang juga merancang satu Pusat Televisyen (Television Centre) di Angkasapuri yang telah kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi malangnya memandangkan kemelesetan dunia rancangan ini terpaksa ditangguhkan yang menelan belanja \$118 juta untuk satu Kompleks Televisyen yang lengkap untuk menghala hasrat mencapai 60% bahan-bahan ataupun production ataupun penghasilan tempatan menjelang tahun 1985.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Penerangan sedar bahawa rancangan-rancangan "Peristiwa" adalah satu daripada rancangan-rancangan

tempatan yang disukai ramai dewasa ini dan mendapat sambutan daripada para penonton televisyen. Jadi, adakah Kementerian bercadang supaya rancangan "Peristiwa" ini dipanjangkan masanya tidak seperti sekarang terhad masa 20 minit, dan jika ada, bila dan jika tidak, mengapa?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, "Peristiwa" merupakan satu daripada rancangan tempatan di bawah bidang hal ehwal semasa dan juga "Berita" juga merupakan local content yang terpenting untuk menterjemahkan peristiwa-peristiwa tiap-tiap hari yang berlaku dalam negara kita, dan oleh kerana dia berbentuk berita dan ehwal semasa jangka masa 20 minit itu kita fikir amat sesuai untuk menarik penonton supaya kita tidak kehilangan penonton. Seperti yang saya nyatakan bagi televisyen dan radio untuk membina audience—penonton dan juga pendengar untuk ke tahap yang diperlukan, kita mestilah selang-selikan rancangan-rancangan yang menarik supaya seperti saya katakan dahulu the bait in the hook kita boleh laksanakan supaya "Peristiwa" yang banyak menggambarkan kemajuan-kemajuan Kerajaan Barisan Nasional dapat tercermin supaya dapat mengingatkan rakyat jelata betapa Kerajaan telah berkorban memperjuangkan untuk kepentingan rakyat dan "Peristiwa" inilah antara rancangan-rancangan tempatan yang kita perhatikan dengan paling serius.

Soalan kedua kepada Ahli Yang Berhormat dari Matang bahawa kita tidak bercadang untuk melanjutkan masanya kerana kita boleh memikirkan rancangan-rancangan lain seperti dalam perancangan sekarang bagaimana hendak membaiki "Ulasan Berita" (Editorials), bagi rancangan-rancangan berita yang sedang difikirkan bertajuk "Sorotan Seminggu" di mana kita bercadang untuk mencari tokoh-tokoh wartawan

(journalists) dan juga tokoh-tokoh penulis, ahli fikir dan sebagainya supaya dapat memberikan gambaran-gambaran yang mendalam, yang tinggi isi ilmunya supaya rancangan ini nanti dapat menjadi opinion leader yang boleh menukar pemikiran rakyat, yang boleh menggetarkan jiwa rakyat. Akhirnya menggalakkan rakyat ke arah yang kita hendak tuju iaitu pembangunan bukan sahaja dari segi jasmani tetapi juga dari segi rohani dan memandangkan banyak lagi program-program selain daripada "Peristiwa" dapat juga kita laksanakan atau kita wujudkan maka 20 minit lebih kurang untuk "Peristiwa" ini kita fikir memadai sekarang.

Tuan Chan **Kok Kit**: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sama ada Kerajaan bercadang menambahkan program-program bahasa-bahasa lain seperti bahasa-bahasa Cina, Tamil, Iban dan Kadazan di Rangkaian Kedua?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, time is the essence, masa amat penting. Kita ada 24 jam satu hari dan siaran televisyen lebih kurang kita dapat dalam 120 jam seminggu dan dalam masa yang terhad itulah kita hendak agihkan bermacam-macam dan antara yang terpenting ialah kita hendak tentukan bahawa inputs ataupun bahan-bahan yang boleh mempercepatkan integrasi negara. Jadi, rancangan-rancangan yang tidak memberi makna dan tidak memberi kesan kepada integrasi, kita cuba perlahan-lahan phase out atau kurangkan supaya dapat kita cerminkan national identity ataupun kepentingan negara lebih-lebih lagi tentulah dari segi mengisi rohani, mengisi semangat negara itu tidak boleh kita kendalikan dengan tergesa-gesa, mestilah dengan cara evolusi. Maka, rancangan-rancangan di Rangkaian Kedua yang tidak membawa makna kepada integrasi

negara bahkan kita akan sedikit demi sedikit phase out untuk menyelitikan rancangan-rancangan yang boleh membantu pembinaan national identity dan national integration tadi.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:

Tuan Yang Dipertua, ingin saya dapat tahu daripada Menteri Penerangan bilakah masanya Bahasa Malaysia boleh digunakan sepenuhnya dalam semua rangkaian dan dalam semua siaran-siaran yang dikeluarkan oleh kita sebagai negara yang telah pun menetapkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa negara ini?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd.

Adam: Tuan Yang Dipertua, kalau kita hendak seribu daya, kalau kita tidak hendak seribu dalih, maknanya kalau kita hendak besok pagi pun boleh, tetapi seperti yang saya kata tadi kita tidak berhajat untuk membawa perubahan dengan cara revolusi, tetapi dengan cara evolusi yang telah membuktikan bahawa sejak 25 tahun kita merdeka, kita telah dapat sedikit demi sedikit membina identiti kita dengan cara halus, dengan cara tersusun, dengan cara teratur bahkan dari segi penggunaan Bahasa Malaysia telah kita mulakan dengan kempen Bahasa Malaysia dan sebagainya dan kini Akta Bahasa Malaysia menetapkan bahawa bahasa-bahasa yang terutama sekali penggunaan bahasa Inggeris dalam upacara-upacara rasmi mesti ada kelulusan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Dalam ertikata penggunaan Bahasa Malaysia dalam media yang dijaga oleh Kementerian Penerangan akan juga menekankan peri mustahaknya penggunaan Bahasa Malaysia ini dipercepatkan, tetapi dengan kadar yang menasabah yang tidak boleh membawa pergeseran dan tidak boleh mengendalikan usaha-usaha pembinaan negara. Dalam pada itu seperti saya katakan dahulu dalam Dewan yang mulia ini juga bahawa

cabaran-cabaran untuk mewujudkan identiti nasional dalam "global village" ini begitu mencabar sehinggakan dalam 3-4 tahun lagi saya kata mungkin teknologi satellite begitu maju sehingga kita akan tenggelam dalam global village ini. Kalau kita tidak mempercepatkan usaha-usaha untuk mencari identiti negara, kita akan menerima onslaught ataupun media imperialism daripada negara-negara maju, sehingga kita akan tenggelam dengan identiti itu, maka itulah sebabnya usaha Kerajaan untuk mempercepatkan nasional identiti ini kadang-kadang kadarnya terpaksa kita fikir semula, terpaksa kadang-kadang ada masanya kita 'bulldoze' dan saya yakin bahawa penggunaan Bahasa Malaysia ini akan merupakan satu daripada usaha-usaha Kerajaan untuk mempercepatkan penggunaannya supaya nasional identiti tidak akan tenggelam dalam global village.

SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-
BUAHAN TEMPATAN
PENGELUARAN

4. Tuan Yeoh Poh San: minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil untuk menambah pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan yang segera dengan harga pasaran yang berpatutan supaya memberi munafaat kepada orang ramai terutamanya yang berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian):

Tuan Speaker, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk menambah pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan termasuk langkah-langkah untuk jangka panjang dan untuk jangka pendek. Di antara langkah-langkah jangka panjang ialah menjalankan penyelidikan dan kajian bagi menentukan kawasan yang sesuai untuk tanaman buah-buahan dan

sayur-sayuran, mencan jenis-jenis baru yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi dan bermutu, cara-cara pengawitan dan pemerrosesan, teknik-teknik pengurusan yang efisien dan luang-luang pasaran serta sistem pemasaran yang baik.

Di samping itu Kementerian juga mengambil tindakan-tindakan jangka pendek seperti menyediakan perkhidmatan nasihat, bantuan subsidi bahan-bahan input dan pusat-pusat pembelian untuk menggalakkan petani dan peladang menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Khusus untuk memajukan dan menambahkan pengeluaran sayur-sayuran tempatan, satu projek perintis skim Pemasaran Persepadu sayur-sayuran sedang dilaksanakan.

Adalah diharapkan lebih ramai petani dan peladang akan menyertai rancangan ini untuk menambahkan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan berbagai-bagai langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian untuk menghidupkan semangat kepada rakyat di dalam negara ini bagi menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat manakah sambutan rakyat terhadap seruan Kerajaan itu bagi menghidup atau memulihkan semula semangat dan amalan Buku Hijau di kampung-kampung. Jika sambutan itu menggalakkan setakat manakah pula peranan yang dimainkan oleh FAMA bagi membantu penanam-penanam sayur dan buah-buahan di dalam memasarkan bahan-bahan tanaman mereka?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, untuk soalan yang pertama, memang adalah baik sambutan dari

petani oleh kerana melalui pusat-pusat pembelian yang diadakan dan juga kawasan-kawasan penubuhan peladang yang mana petani-petani kecil telah pun menjadi ahli-ahli pertubuhan itu, mereka telah pun berminat mengambil bahagian atas skim-skim yang dijalankan semasa ini.

Mengenai peranan FAMA, suka saya menyatakan di sini iaitu di bawah skim yang saya menyatakan sebentar tadi iaitu Skim Pemasaran Bersepadu, melalui skim ini FAMA memang mengadakan berbagai-bagai projek seperti projek bilik sejuk dan juga melalui FAMA ada satu harga yang minima yang mana petani-petani dapat sekurang-kurangnya satu harga yang patut untuk mereka menjualkan pengeluaran-pengeluaran mereka.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa FAMA ada menetapkan harga minima, tetapi mengikut pengalaman saya, di kawasan saya di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam harga minima ini tidak diberitahu kepada petani-petani dan biasanya saya mendapat aduan-aduan daripada petani-petani menyatakan bahawa FAMA sebagai agensi Kerajaan membeli sayur-sayuran mereka dengan begitu murah sekali dan ada juga jenis-jenisnya yang tidak mahu dibeli oleh FAMA. Adakah FAMA akan meneruskan dan memberitahu kepada petani harga minima ini dan adakah FAMA juga akan memberikan khidmat nasihat seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi supaya sayur-sayuran yang mempunyai pasaran yang luas sahaja ditanam oleh petani-petani?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, melalui rancangan yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu hanya kepada petani-petani yang menyertai skim ini yang dapat satu jaminan yang

mana pengeluaran sayur-sayuran mereka itu akan dapat satu harga yang minima, boleh jadi ada juga di tempat-tempat ada petani-petani kecil tidak menyertai skim ini. Jika ada, suka saya mengatakan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana ada petani-petani yang tidak menyertai skim ini mereka boleh menggalakkan petani-petani ini untuk menyertai skim ini.

Tentang jenis sayur-sayuran, memang apabila nasihat diberi kepada petani-petani nasihat ini akan diberi tentang sayur-sayuran yang disukai oleh orang ramai, hanya sayur-sayuran itu digalakkan untuk ditanam.

MAS—KENAIKAN TAMBANG

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kalikah MAS menaikkan tambangnya bagi penerbangan dalam negeri dan antarabangsa sejak 1976, berapa peratuskah kenaikannya dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh MAS untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan penerbangannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, kenaikan kadar tambang bagi perkhidmatan antarabangsa MAS dan syarikat-syarikat penerbangan asing adalah berasaskan kepada syor-syor IATA (International Air Transport Association). IATA adalah satu pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh syarikat-syarikat penerbangan yang bertanggungjawab ke atas penentuan kadar tambang dan kenaikan tambang di sektor-sektor antarabangsa. Setelah sesuatu kadar tambang atau kadar kenaikan tambang dipersetujui di peringkat IATA, ianya dikemukakan kepada syarikat-syarikat

penerbangan dan seterusnya kepada Kerajaan-kerajaan yang berkenaan untuk kelulusan.

Sejak tahun 1976, IATA telah beberapa kali mengesyorkan kenaikan tambang dan kebanyakan kenaikan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Sejak tahun 1976, MAS telah melaksanakan beberapa kenaikan kadar tambang antarabangsa selaras dengan syor-syor IATA setelah mendapat kelulusan dari Kerajaan seperti berikut:

<i>Tarikh Kenaikan</i>	<i>Peratus Kenaikan</i>
(1) 1hb Ogos, 1977 (Kenaikan AM)	3%
(2) 19hb Oktober, 1979 (Harga Minyak I)	7%
(3) 5hb Mei, 1980 (Harga Minyak II)	9%
(4) 19hb Ogos, 1980 (Harga Minyak III dan IV)	9%
(5) 1hb Oktober, 1981 (Harga Minyak V dan VI)	7%

Jumlah peratus kenaikan tambang antarabangsa sejak 1976 ialah 35.

Di samping itu IATA telah juga mengesyorkan beberapa kenaikan tambang antarabangsa untuk dilaksanakan seperti berikut:

(1) Minyak	3%-7%
(2) Minyak	5%-8%
(3) Kenaikan AM	5%
(4) Kenaikan AM	7%
JUMLAH	20.0%

Walau bagaimanapun MAS belum lagi melaksanakan kenaikan-kenaikan antarabangsa tersebut.

Bagi kenaikan kadar tambang dalam negeri pula, MAS sejak tahun 1976 hanya melaksanakan kenaikan tambang sebanyak dua kali, iaitu seperti berikut:

- (1) lhbDisember, 1981 10%
- (2) lhbOgos, 1982 .. 10%

Jumlah peratus kenaikan tambang dalam negeri ialah 20 sejak 1976. Dengan ini adalah jelas bahawa kenaikan tambang dalam negeri sekiranya dibandingkan dengan kenaikan tambang antarabangsa adalah sentiasa terkawal berasaskan kepada faktor sosial. Walau bagaimanapun, kenaikan tambang dalam negeri ini tidak dapat dielakkan oleh sebab kos operasi, kadar faedah pinjaman (interest rate) dan khasnya harga minyak sejak tahun 1976 yang telah berlipat ganda.

MAS telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki perkhidmatannya sama ada bagi perkhidmatan dalam negeri ataupun antarabangsa dengan menggantikan jenis pesawat di beberapa sektor dan menyusun semula jadual penerbangannya mengikut permintaan ramai.

Bagi perkhidmatan dalam negeri jenis pesawat di beberapa sektor telah diganti dengan pesawat yang lebih besar dan selesa seperti berikut:

- (1) Di beberapa sektor luar bandar di Sabah dan Sarawak MAS telah menggantikan perkhidmatan pesawat BN 2 dengan pesawat Twin Otter.
- (2) Kebanyakan sektor-sektor dalam negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah pun dipertingkatkan dari perkhidmatan F27 ke Boeing 737.

- (3) Bagi perkhidmatan di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak pesawat yang lebih besar seperti Airbus 300B dan DC10 telah digunakan menggantikan pesawat Boeing 737.

Untuk perkhidmatan antarabangsa pula, iaitu dari Kuala Lumpur ke Eropah dan Australia, MAS telah menggantikan perkhidmatan DC10 dengan Boeing 747.

Bagi perkhidmatan penumpang di darat (ground services) iaitu perkhidmatan di lapangan terbang-lapangan terbang, MAS telah memperkenalkan sistem penempahan komputer di 12 pejabat-pejabatnya di dalam negeri dan 12 pejabat-pejabat di luar negeri. Pada penghujung tahun ini semua pejabat MAS akan dilengkapi dengan alat komputer.

Di lapangan terbang Antarabangsa Subang, MAS telah memperkenalkan sistem kawalan keberangkatan automatik (automatic departure control system) baru-baru ini. Sistem ini telah mengemaskan peraturan-peraturan keberangkatan di mana penumpang-penumpang dapat menikmati perkhidmatan yang cepat dan cekap.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan bolehkah beliau menyatakan kadar atau angka tambang per passenger mile untuk penerbangan di dalam negeri dan antarabangsa dan kalau dibandingkan dengan sistem penerbangan di dalam negeri lain adakah angka ini lebih atau kurang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya kita tidak mempunyai unit kos per kilometer khas bagi luar negeri atau dalam negeri, tetapi pada purata bagi MAS unit kos bagi

tambangnya adalah sebanyak 0.23 per kilometer jika dibandingkan dengan negara-negara Barat seperti Jerman Barat 0.71, United Kingdom 0.60, bagi negara-negara berhampiran seperti Indonesia 0.43, Filipina 0.25, Thailand 0.21 dan jika dibandingkan dengan negara-negara Timur, sebab kita sekarang "Memandang ke Timur", Korea Selatan 0.35, Jepun 0.29.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan Tambahan. Adakah beliau sedar walaupun MAS telah berkali-kali menaikkan tambangnya tetapi perkhidmatan yang diberikan oleh MAS tidak ditingkatkan sejajar dengan kenaikan tambangnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat tak dengar apa yang saya jawab sebenatar tadi.

KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN BORANG E DAN G

6. Tuan V, Govindaraj minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan menggunakan Borang "E" dan "G" yang masih di dalam peringkat pertimbangan oleh Kementerian berkenaan pada 31-8-1982. Nyatakan jumlah bilangan mengikut pecahan kaum.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, jumlah permohonan kewarganegaraan yang mengemukakan Borang "E" dan "G" yang masih lagi dalam pertimbangan sehingga 31-8-1982 adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------|------------------------|
| (i) Borang "E" .. | 1,700 permo-
honan |
| (ii) Borang "G" .. | 5,738 pernio-
honan |

Jumlah permohonan seperti yang saya sebutkan ini tidak dapat dipecahkan mengikut kaum oleh kerana adalah menjadi dasar Kementerian ini tidak menyimpan perangkaan mengikut pecahan kaum.

Tuan Lee Lam They: Tuan Sepaker, daripada jumlah permohonan yang dibuat di bawah Borang "G" yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi, adakah angka ini termasuk permohonan yang dibuat oleh si pemohon yang sudah berada di dalam negara ini sebelum merdeka sehingga hari ini, iaitu lebih 25 tahun pemohon-pemohon ini sudah beranak-pinak di sini dan telah menunjukkan rekod yang baik dan taat setia kepada negara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada berkenaan dengan golongan ini pihak Kerajaan akan bermurah hati untuk mengendalikan permohonan mereka.

Di samping itu, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini juga mengenai apakah perkara-perkara asas yang dipertimbangkan dalam meluluskan sesuatu permohonan warganegara di bawah Borang "G" dan juga apakah asas penolakannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sukalah saya mengulangi sekali lagi apa yang telah saya beritahu dahulu dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya pihak Kementerian sama sekali tidak mengambil masa yang lebih daripada yang diperlukan. Ertinya pihak Kementerian menimbangkan segala-galanya dan tidak timbul sama sekali sama ada pemohon itu 25 tahun menunggu atau 30 tahun menunggu oleh sebab pihak Kementerian boleh dikatakan mengambil tindakan yang benar-benar tengkas, cepat dan bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan.

atas keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan kepada Mahkamah yang lebih tinggi boleh mengakibatkan pertikaian-pertikaian perusahaan itu terus berlanjutan dan ini mungkin akan memburukkan lagi keadaan dan merugikan semua pihak yang terlibat termasuk juga negara sendiri.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun, dalam tahun 1980 Dewan ini telah meluluskan Pindaan A484 kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bagi membenarkan keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan dirujuk ke Mahkamah Tinggi atas soal undang-undang (Points of Law).

Kerajaan adalah berpuashati dengan sistem yang diamalkan sekarang kerana ianya telah banyak memberi manfaat. Misalnya dalam tahun 1981, Mahkamah Perusahaan telah menyelesaikan sejumlah 237 kes-kes pertikaian perusahaan dan dari bulan Januari, sehingga bulan September 1982 sejumlah 194 kes-kes lagi telah diselesaikan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cadangan menubuhkan sebuah Mahkamah Perusahaan Rayuan ada dibuat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga peguam-peguam dalam bidang perusahaan undang-undang (industrial laws). Adakah pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat membincangkan masalah ini dengan mereka atau Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada mengambil satu keputusan tidak mahu menubuhkan satu Mahkamah Perusahaan Rayuan tanpa berbincang dan memberi mereka peluang untuk memberi sebab-sebab kenapa patut ada satu Industrial Appellate Court ditubuhkan?

Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya sedar adanya pandangan-pandangan dan syor-syor untuk menubuhkan

Mahkamah Perusahaan Rayuan ini yang diterima daripada orang-orang perseorangan dan juga Kesatuan-kesatuan Sekerja tetapi syor-syor itu tidaklah dianggap oleh Kementerian sebagai suatu desakan kerana mengikut pertimbangan yang dibuat oleh Kementerian, pihak majikan yang lebih berkehendakkan Mahkamah-mahkamah Perusahaan Rayuan ini diadakan.

Daripada pengalaman setakat ini, sebagaimana yang disebutkan tadi, daripada lebih 300 kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan, 8 telah dibenarkan dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi atas soal undang-undang (Points of Law). Kesemua kelapan-lapan ini adalah atas permintaan pihak majikan. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat kerana saya merasa hairan sedikit tindakan yang diambil oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang selama ini cuba menonjolkan peranannya atau partinya untuk membela Kesatuan Sekerja tetapi dengan pandangan ini iaitu dengan mengesyorkan untuk mengadakan Mahkamah Perusahaan Rayuan ini adalah seolah-olahnya Yang Berhormat itu menyebelahi pihak majikan, kerana setakat ini kita dapati pihak pekerja yang terlibat di dalam pertikaian yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan biasanya tidak banyak yang memohon untuk mengemukakan rayuan.

Sebagaimana yang saya sebut tadi pihak majikan kebiasaannya mencari alasan hendak melambat-lambatkan pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Saya mohon izin Tuan Yang Dipertua memberi satu contoh umpamanya satu kes pertikaian di antara Kesatuan Sekerja dengan sebuah hotel, saya tidak mahu menyebut nama hotel itu; pertikaian ini telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada 21-1-1980 dan Mahkamah Perusahaan telah

memutuskan pada 30-4-1981 bahawa pekerja-pekerja yang berkenaan hendaklah diberi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik. Maknanya keputusan Mahkamah Perusahaan itu memberi kedudukan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja yang menuntut tetapi pihak majikan telah membuat rayuan di bawah Seksyen 33 (a) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 ke Mahkamah Tinggi pada 24hb Mei, 1981 atas sebab-sebab rayuan itu keputusan Mahkamah Perusahaan yang mengenai pemberian gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik terpaksa ditangguhkan sehingga Mahkamah Tinggi membuat keputusan. Tetapi sehingga hari ini, sudah lebih kurang 3 tahun, Mahkamah Tinggi belum lagi menetapkan satu tarikh untuk memutuskan kes tersebut.

Tujuan saya memberi contoh ini ialah hendak menggambarkan jika sekiranya diadakan Mahkamah Rayuan yang lebih tinggi dari Mahkamah Perusahaan yang ada sekarang, maka kes-kes pertikaian itu akan berlanjutan dan pihak pekerja biasanya yang lebih banyak menerima kerugian. Misalnya sedikit lagi, dengan izin, Tuan Yang Dipertua—katalah jumlah pembayaran yang patut dibuat oleh pihak majikan itu \$1 juta yang diputuskan pada 30-4-1981 yang lalu tetapi sehingga sekarang tidak dilaksanakan lagi dan sekiranya Mahkamah Rayuan itu memutuskan supaya dilaksanakan keputusan Mahkamah Perusahaan itu, dengan bayaran \$1 juta juga sudah tentu nilai \$1 juta tiga tahun dahulu dengan sekarang berbeza. Inilah juga faktor-faktor yang dianggap merugikan pihak pekerja. Oleh yang demikian, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah menimbang dari berbagai segi setakat ini memutuskan bahawa tidak perlu lagi diadakan Mahkamah-mahkamah Perusahaan Rayuan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada mengaku bahawa beliau ada menerima syor-syor daripada pihak Kesatuan Sekerja dan adakah dia sedar bahawa sebenarnya seruan diadakan satu Mahkamah Perusahaan ialah seruan pihak pekerja dan bukan seruan majikan ?

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa beliau telah salah anggap tujuan diadakan satu badan Mahkamah Perusahaan Rayuan yang diserukan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja kerana apa yang diserukan ialah diadakan satu Mahkamah Rayuan di atas apa yang ada sekarang iaitu 4 orang Pengerusi Mahkamah Perusahaan dan di mana kita ada seorang yang setaraf Hakim, Yang Arif Dato' Harun Hashim yang menjadi pengerusi. Tetapi ada lagi 4 orang Pengerusi yang ada kuasa yang sama. Apa kesatuan-kesatuan yang mendesak ialah bahawa taraf Pengerusi, diberi satu taraf rayuan di mana keputusan-keputusan empat-empat Pengerusi itu boleh dirayu kepada seorang yang baru, kepada Justice Dato' Harun Hashim yang ada di sana, yang boleh merayu kepada dia, satu taraf rayuan di dalam sistem Mahkamah Perusahaan sekarang dan bukan kepada lebih tinggi itu.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman : Tuan Yang Dipertua, perkara yang pertama saya sedar apa yang saya katakan tadi, kita menerima syor-syor tetapi bukan desakan. Ini ada bezanya antara syor dengan desakan. Syor dan pandangan boleh diterima di mana-mana sahaja tetapi terpulanglah kepada pihak Kerajaan mempertimbangkannya dan pihak Kerajaan tidak dengan sengaja hendak mengabaikan syor dan pandangan dari mana-mana pihak tetapi setelah dipertimbangkan baik buruknya sudah tentulah Kerajaan akan memilih yang baik dan akan melaksanakannya.

Perkara kedua, saya tidak salah anggap. Apa yang dimaksudkan dengan Mahkamah Rayuan Perusahaan yang dimaksudkan dalam soalan Yang Berhormat ini ialah satu mahkamah, satu badan di atas daripada Mahkamah Perusahaan yang ada sekarang bagi menerima rayuan-rayuan atas keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang ada sekarang dan sistem yang ada sekarang ialah, Dato' Justice Harun Hashim sebenarnya Presiden bukannya Pengerusi. Di bawahnya ada 4 bahagian lagi yakni mahkamah yang membicarakan kes-kes ini yang dipengerusikan oleh seorang Pengerusi dan di dalam kes-kes pertikaian di antara majikan dengan kesatuan-kesatuan Sekerja, Pengerusi ini dibantu oleh 3 orang ahli panel, di mana diwakili oleh satu orang daripada pihak bebas, satu orang daripada pihak majikan dan satu orang yang mewakili pihak pekerja dan biasanya pengerusi membuat keputusan-keputusan ini setelah berunding, berbincang dan menimbang bersama dengan ahli-ahli panel. Dengan sebab itu dijangka keputusan yang dibuat oleh Pengerusi ini adalah boleh dianggap keputusan yang seadil-adilnya.

Selain daripada itu suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Pengerusi-pengerusi yang membicarakan kes-kes pertikaian ini adalah dengan kuasa yang diberi oleh Presiden Mahkamah Perusahaan itu sendiri dan tidak ada ertinya jika Keputusan yang dibuat oleh Pengerusi-pengerusi yang menghakim kes-kes itu ditimbang semula oleh Presiden kerana ini merupakan kerja yang berlapis, dua kali, melainkan jika diadakan satu Mahkamah yang asing, lain daripada Mahkamah Perusahaan yang ada sebagaimana dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SIJIL KEWARGANEGARAAN DILULUSKAN SEMENJAK 1980

8. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia yang telah diluluskan semenjak tahun 1980 dan berapa banyak lagi permohonan dalam tahun tersebut masih menunggu keputusan dan mengapakah permohonan bagi Sijil Warganegara telah lambat kadangkala hampir dua tahun apakah langkah-langkah yang tertentu untuk mempercepat masalah ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang telah diluluskan semenjak tahun 1980 ialah 9,745 permohonan. Bilangan permohonan yang dikemukakan pada tahun 1980 yang masih lagi dalam peringkat pertimbangan ialah 3,447 permohonan.

Soalan mengenai kelambatan dalam memproses permohonan kewarganegaraan telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 20hb Oktober, 1982 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk menambah dalam masalah itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri daripada jumlah 9,745 yang telah diluluskan warganegaranya itu adakah diperuntukkan undang-undang sekiranya mereka yang diluluskan itu tidak taat setia kepada Kerajaan misalnya masuk menjadi ahli parti komunis, anti sabversif atau anti nasional, bolehkah taraf warganegaranya itu ditarik balik?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, segala sesuatu yang kita laksanakan kita akan mematuhi kehendak undang-undang kita.

**SUBSIDI MINYAK DIESEL
KEPADA NELAYAN**

9. Tuan NG Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan belanja subsidi minyak diesel untuk nelayan-nelayan bagi tahun 1979, 1980, 1981 dan 1982.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, jumlah subsidi minyak diesel untuk nelayan-nelayan ialah sebanyak \$1,533,510 sejak 1978 sehingga 1979. Subsidi minyak diesel dikeluarkan secara langsung oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia kepada nelayan melalui Persatuan-persatuan Nelayan dan Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan. Subsidi ini telah ditamatkan mulai tahun 1979. Sekarang ini minyak diesel dibekalkan terus kepada Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan oleh Petronas.

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*), I would like to ask the Deputy Minister whether the amount of subsidies mentioned by him also includes the States of Sabah and Sarawak; if not, why?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, saya tidak ada jawapan untuk soalan ini. Saya akan beri jawapan bertulis kepada beliau.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan belanja subsidi sebanyak \$1.5 juta, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada terdapat penyelewengan atau penyalahgunaan tentang subsidi-subsidi itu.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian tidak menerima apa-apa pengaduan tentang penyelewengan. Jika Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa adanya penyelewengan itu, sila berhubung dengan Kementerian.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

(*Soalan No. 10 Y. B. Tuan Ismail bin Said tidak hadir.*)

**PERMOHONAN
KEWARGANEGARAAN**

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan permohonan untuk kewarganegaraan dan sebagai penduduk tetap dari Sarawak yang masih menunggu, dan berapa bilangan dari jumlah ini yang telah diproses dan diluluskan setakat ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sejumlah 48,622 permohonan kewarganegaraan telah diterima dari negeri Sarawak. Dari jumlah tersebut 46,350 permohonan telah diluluskan dan 1,142 permohonan masih dalam pertimbangan. Sementara itu sejumlah 1,201 permohonan permit masuk pula telah diterima. Dari jumlah tersebut 702 permohonan telah diluluskan dan 493 permohonan masih dalam pertimbangan.

**BAHASA KEDUA DI SEKOLAH
SEKOLAH**

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan yang mana menjadi bahasa kedua, bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin, kerana bahasa pertama ialah Bahasa Kebangsaan dan setelah Y. A. B. Perdana Menteri menyeru "Pandang ke Timur", Jabatan Pelajaran sedang menimbang memasukkan pengajaran Bahasa Jepun/Korea dalam kurikulum sekolah menengah dan jadikan bahasa tersebut bahasa-ketiga.

Dr Tan Tong Hong: Tuan Yang Dipertua, mengikut peruntukan yang dibekalkan di dalam Akta Pelajaran 1961, bahasa-bahasa yang diajarkan di Sekolah Rendah dan Menengah tidak

ditarafkan sama ada sesuatu bahasa itu bahasa pertama, kedua atau ketiga. Di dalam Akta tersebut dinyatakan bahawa bahasa pengantar dan bahasa yang wajib diajarkan di sekolah-sekolah adalah seperti berikut:

Bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan bahasa pengantar ialah Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) dan bahasa yang wajib diajarkan ialah Bahasa Inggeris.

Bagi sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, bahasa pengantar ialah Bahasa Cina dan bagi sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, bahasa pengantar ialah bahasa Tamil. Bahasa-bahasa yang wajib diajarkan ialah Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) dan Bahasa Inggeris.

Selain daripada itu di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan ada peruntukan yang membolehkan pengajaran Bahasa Cina dan Tamil sekiranya ada permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibubapa murid-murid keturunan Cina atau India. Dengan ini adalah nyata bahawa selain daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris, bahasa-bahasa lain seperti Jepun, Korea, Arabic jikalau diajar di sekolah-sekolah sebagai hanya satu matapelajaran dan oleh itu soal bahasa ketiga dan sebagainya itu tidak timbul.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1, 10 dan 13 adalah diberi di bawah ini.)

**RAKYAT SABAH/SARAWAK
BEKERJA DI SEMENANJUNG
MALAYSIA—GALAKAN**

1. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan

menggalakkan rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak yang mencari pekerjaan dalam bidang akademik dan pemburuan di Semenanjung Malaysia oleh kerana banyak rakyat Sabah dan Sarawak sedang bekerja sebagai buruh di Brunei.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' William Lye Chee Hien): Kerajaan tiada sebarang sekatan terhadap pekerja-pekerja dari negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk datang ke Semenanjung Malaysia untuk bekerja sekiranya mereka ingin berbuat demikian. Kerajaan juga tiada menyekat pekerja-pekerja dari keluar bekerja di Negara-negara lain.

**PENAGIH DADAH DIHANTAR
KE PUSAT PEMULIHAN—
BILANGAN**

10. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sehingga hari ini jumlah penagih dadah yang dihantar ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan jumlah yang dapat dipulihkan. Apakah hasil yang tercapai tentang kajian kemungkinan kerjasama dengan pihak Kastam dan Polls dalam membenteraskan kegiatan dadah yang diura-urakan oleh Kementerian ini.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Sejak Kementerian Kebajikan Am bertanggungjawab ke atas urusan rawatan dan pemulihan penagih dadah pada bulan Oktober 1975, pihak Kementerian telah mendaftar seramai 17,281 orang hingga akhir September 1982. Dari bilangan ini seramai 6,774 orang telah dimasukkan ke empat-empat Pusat Pemulihan Dadah. Hanya 6,726 orang dari 6,774 orang itu tamat pemulihan di Pusat-pusat tersebut. Mereka diberi seliaan lanjutan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat selepas keluar dari Pusat Pemulihan

Dadah selama dua tahun. Mengikut kajian yang diadakan baru-baru ini seramai 1,540 (37%) orang yang keluar dari Pusat Pemulihan Dadah sehingga akhir tahun 1981 tidak kembali kepada penagihan dadah. Selain daripada itu bagi tempoh masa yang sama, pihak Kementerian Kebajikan Am juga telah menyelia seramai 6,191 penagih dadah. Penyeliaan selama dua tahun ini adalah mengikut peruntukan seksyen 25A (2) (b) Akta Berbahaya 1952. Dari bilangan ini seramai 1,498 (24.2%) telah berjaya dipulih dengan sepenuhnya. Dengan lain perkataan, pihak Kementerian Kebajikan Am telah memulihkan seramai 3,038 orang penagih dadah sejak tahun 1975 hingga 1981.

Mengenai kemungkinan mengadakan kerjasama dengan Polis dan Kastam dalam usaha membenteraskan kegiatan dadah sukacita dimaklumkan bahawa ketiga-tiga agensi Kerajaan tersebut mempunyai fungsi yang berlainan: Kementerian Kebajikan Am bertanggungjawab ke atas rawatan dan pemulihan, manakala Kastam untuk mencegah penyeludupan dadah dan Polis untuk menangkap pengedar dan penagih dadah.

PENGELOLA TUNJUK PERASAAN MENGENAI 7 PEGUAM

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pengelola-pengelola serta peserta-peserta tunjuk perasaan yang berlaku di Kuala Lumpur semasa ketibaan 7 orang peguam-peguam antarabangsa "Human Rights" telah didakwa. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan mengenai tunjuk perasaan itu sudah pun selesai. Waran untuk menangkap beberapa orang yang terlibat dalam tunjuk perasaan itu

telah diperolehi. Penangkapan ke atas mereka yang dikenal pasti telah dan sedang dijalankan.

Maklumat lanjut mengenai tangkapan-tangkapan ini tidak dapat diberi kerana ianya akan menjejaskan tindakan sekarang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982) (BIL. 2)

DAN

USUL-USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 4) 1981

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 2) 1982

JAWATANKUASA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (Bil. 2) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Pertama).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan iaitu saya meminta Ahli-ahli Yang

Sementara itu suka-lah juga saya menyatakan kepada Yang Berhormat berhubung dengan perkara-perkara penting, umpamanya dari segi kelakuan. Kita berasaskan, berhubung dengan kelakuan ini, kepada beberapa perkara, umpamanya jikalau pemohon itu didapati merbahaya kepada keselamatan negara, maka pemohon itu tidak akan dilayan permohonannya, dan begitu jua terhadap pemohon-pemohon yang tiada taat-setia kepada negara. Ini semua sekali terpaksa kita kaji satu persatu. Juga, dalam masalah yang mana seseorang itu melakukan jenayah buang negeri, umpamanya, selepas 10 tahun daripada menjalani hukuman itu, maka barulah kita boleh pertimbangkan soal-soal kewarganegaraannya. Inilah perkara-perkara, dan banyak lagi yang lain-lain yang terpaksa kami kaji dengan halusi sebelum membuat sesuatu keputusan. Dan dahulu telah saya beritahu bahawasanya peratusan yang tidak mendapat kelulusan saya katakan memang sedikit. Itu adalah jelas dan nyata bahkan ketara bahawa pihak Kementerian tidak bermain-main dalam masalah ini.

MAHKAMAH PERUSAHAAN RAYUAN PENUBUHAN

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada sebuah Mahkamah Perusahaan Rayuan (Industrial Appellate Court) akan ditubuhkan untuk mendengar rayuan-rayuan yang berbangkit dari keputusan Mahkamah Perusahaan; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan Mahkamah Perusahaan Rayuan oleh kerana Mahkamah

Perusahaan yang ada sekarang adalah berfungsi sebagai satu jentera timbangtara yang terakhir bagi pertikaian-pertikaian perusahaan dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan itu adalah terakhir dan muktamad. Sebelum sesuatu kes pertikaian itu dirujuk ke Mahkamah Perusahaan ianya adalah terlebih dahulu melalui beberapa proses seperti berikut:

- (i) Usaha-usaha rundingan terus di antara majikan dan kesatuan sekerja tanpa campurtangan pihak ketiga.
- (ii) Mesyuarat-mesyuarat pendamaian yang diatur oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian-kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat setelah pihak-pihak yang bertikai tidak mencapai penyelesaian.
- (hi) Pertikaian dirujuk untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat setelah usaha-usaha rundingan damai yang diatur oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan itu juga tidak mencapai penyelesaian.
- (iv) Setelah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berpuashati bahawa adalah lebih bermanfaat untuk merujuk pertikaian itu ke Mahkamah Perusahaan atau kedua-dua pihak yang terlibat dalam pertikaian itu bersamasama meminta, maka barulah pertikaian itu dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang Dipertua, pertikaian-pertikaian perusahaan perlu diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh bagi memelihara keharmonian perhubungan perusahaan supaya tidak menjejaskan daya pengeluaran. Satu sistem rayuan

Berhormat berucap di dalam Jawatankuasa ini selebih-lebihnya 15 minit. Ini memandangkan kita hanya ada dua hari sahaja dalam Jawatankuasa untuk menghabiskan perbahasan.

4.06 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$371,480,139 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1981 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 9, B. 13, B. 30, B. 32, B. 34, B. 36, B. 67 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$385,894,305 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 4, B. 5, B. 7, hingga B. 9, B. 24, B. 27, B. 33, B. 34, B. 37, B. 42, B. 43, B. 46, B. 48, B. 52, B. 56, B. 57, B. 59, B. 62 dan B. 64 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$750,502,703 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 4) 1981 bagi maksud-maksud Pembangunan P. 31 dan P. 67 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$471,593,925 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 1982 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 8, P. 24 hingga P. 27, P. 37, P. 39, P. 46, P. 52, P. 54, P. 56, P. 57, P. 62, P. 63 dan P. 65 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan

tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan 1981 dan 1982 dan juga Anggaran Pembangunan 1981 dan 1982.

Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1982 dan 27 Tahun 1982, bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1981 dan Tambahan Kedua 1982 di Kertas Perintah 29 Tahun 1982 dan 31 Tahun 1982 bagi Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1981 dan (Tambahan) (Bil. 2) 1982. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B. 9 dan B. 13 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 4, B. 5, B. 7, B. 8, dan B. 9 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 9 dan B. 13 untuk tahun 1981 dan B. 4 sehingga B. 9 untuk tahun 1982 dan Kepala Pembangunan P. 7 dan P. 8 untuk tahun 1982 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.10 ptg.

Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanja (Tambahan) (Bil. 2) 1982, Kertas Perintah 27, muka surat 3, Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah dapat mengelolakan pilihanraya kita yang lepas dengan licin, aman dan tenteram. Dalam pada itu ada beberapa perkara yang patut boleh dibaiki, kerana kita dapati Daftar Pemilih khasnya di kawasan saya sendiri banyak kesilapan yang telah didapati. Umpamanya nama pengundi pada masa pilihanraya yang lepas ada di dalam Daftar Pengundi tetapi dalam pilihanraya yang baharu lalu nama mereka telah tertinggal. Begitu juga bagi mereka yang telah mendaftar menjadi seorang pengundi tetapi bila masa pilihanraya tidak ada dalam Daftar Pengundi. Begitu juga banyak pengundi-pengundi yang sepatutnya boleh mengundi dekat dengan rumahnya tetapi terpaksa mengundi berbatu-batu jauhnya. Jadi kesalah-kesalahan yang seperti ini semolek-moleknya boleh diatasi. Satu daripadanya ialah penyemakan Daftar Pengundi. Pada masa ini penyemakan Daftar Pengundi sedang dijalankan tetapi masanya terlalu singkat, hanya dua minggu. Kalau boleh, masa yang dua minggu itu boleh dilanjutkan lagi supaya mereka, pengundi-pengundi boleh sempat menyemak Daftar Nama dalam buku-buku pengundi, begitu juga pegawai-pegawai sempat untuk sama-sama menyemak dan menunaikan tugas kerana maklumlah yang saya ketahui pegawai-pegawai ini adalah pegawai-pegawai pinjaman belaka. Jadi, saya sangat faham bagaimana mereka itu bertugas. Jadi, kalau masa boleh dilanjutkan lagi maka adalah peluang bagi mereka untuk menyemak kawasan-kawasan tugas mereka.

Selain daripada itu saya berharap sudah sampai masanya Suruhanjaya Pilihanraya ini melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai tetap dalam tiap-tiap kawasan kerana dengan adanya pegawai tetap itu bolehlah mereka menjalankan

tugasnya sepenuh masa—sepanjang masa dan dengan penuh tanggungjawab tidak seperti yang ada sekarang ini pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya ialah pegawai pinjaman dan sementara dan kebanyakannya kita maklumlah pegawai yang dipinjam dan sementara kurang dapat memenuhi tugas-tugas yang sepatutnya dan itulah sebabnya maka kesilapan-kesilapan di peringkat bawah banyak berlaku.

4.15 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Bandar Sib):
(*dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to touch on Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya, Kod 2100.

Tuan Pengerusi, this House is now asked to approve the supplementary estimates for the Jabatan Perdana Menteri for 1981 and 1982 as follows:

Operational Expenditure ,, \$42.9 million for 1981 and \$131.35 million for 1982

Development Expenditure ,, \$29.39 million for 1982

Out of the Operational Expenditure, the Election Commission gets \$8.2 million, but the largest share goes to the Public Services Department amounting to \$122.34 million. Out of the Development Expenditure, the Public Services Department also gets the lion's share of \$23.4 million. Supplementary Estimates signifying an extra expenditure of over \$200 million are surely a significant addition especially in 1982. Members of this House and the Malaysians at large have the right to demand that every cent of the public money is spent wisely without waste.

Firstly, let me comment on the supplementary estimate of \$8.2 million for the Election Commission. Clearly it is an expenditure incurred during the last General Election. But there were problems encountered during the

recent Election which must be raised here regarding the training and the orientation of personnel in the Commission so as to ensure the dignity and the justice of our election process. Let me quote two examples here. On the polling day, i.e. 26th April, 1982, when the separation of votes was completed, I personally discovered at the Sibü Counting Centre that among the stacks of 100 ballot papers supposed to be Barisan votes, there were some stacks of DAP votes as well. This should not have happened. The incompetence of the Election Commission personnel may be construed as being corrupt by the suspicious public and this will not help to maintain the good image of the Commission.

Secondly, I also discovered that people without valid documents were also admitted into the Counting Centre. This is highly irregular. Similar problems existed in the Sarikei Polling Centre in the recent parliamentary election. The DAP polling agents were not allowed into the Polling Centre although they took the oath of secrecy and possessed all the required forms. There were last-minute changes in the date of voting at particular polling stations or changes of the polling stations themselves which caused confusion to many voters; and as a result many people did not go to vote at all. For instance, voting at the Polling Station at Sarikei Nanga Straes Primary School scheduled to be opened on the 24th April, 1982 was brought forward by one day. The voting at the Mandor Primary School scheduled on the 25th April, 1982 was also brought forward by one day. One of the polling stations scheduled to be opened on the 26th April, 1982 at the Sarikei Council Car Park was changed to Abang Amin Primary School at the last minute. As a result many voters failed to turn up because they were simply confused over the date and venue of voting.

Tuan Pengerusi, voting in Sarawak in the rural and semi-rural constituencies is usually staggered over a few days. Due to the geographical problems and the difficulty in transport, it is of utmost importance not to make last-minute changes in the date and venue of voting.

Furthermore, during the election period, the candidates published an advertisement in the newspapers saying that people who wished to vote for certain candidates can have a free express boat trip if travelling is incurred.

In Sarikei, the Barisan Nasional camp had a grand feast with over 400 pigs, 9,000 tins of biscuits and over 100 bottles of Martel brandy to entertain the voters. Reports of this incident to the local Election Officers drew blank indifferences.

Such distorted forms of election corruption should be eradicated in order to give meaning to the spirit of free choice in our election process. The Election Commission should investigate into these matters to ensure that such incidents are not repeated in future elections.

Tuan Pengerusi, the Government has launched a "Look East" policy. It is up to the Government leaders to take the lead in this new spirit by ensuring that the development of the Nation can be achieved without corruption and waste and fulfil the Government's policy to build a clean, effective and trustworthy Government.

Tuan Pengerusi: Menteri-menteri hendak menjawab?

4.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat

berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu agaknya terlalu spesifik dan berhubung dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam akan saya ambil perhatian tentang perlunya kita memperbaiki lagi jentera Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu.

Tentang apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibul falasal banyak, biskut banyak, ini saya tidak tahu, tidak sampai ke pengetahuan saya dan tidak pun ada komplemen daripada sesiapa pengundi daripada kawasan itu. Walau bagaimanapun, saya ambil perhatian tentang apa yang telah dicakapkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$42,730,156 untuk Maksud B. 9 dan \$168,185 untuk Maksud B. 13 jadi sebahagian daripada jadual Pertama; dan wang sejumlah \$8,196,000 untuk Maksud B. 4; \$266,600 untuk Maksud B. 5; \$500,000 untuk Maksud B. 7; \$122,336,696 untuk Maksud B. 8 dan \$50,000 untuk Maksud B. 9 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$42,730,156 untuk Maksud B. 9 dan \$168,185 untuk Maksud B. 13 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$8,196,000 untuk Maksud B. 4; \$266,600 untuk Maksud B. 5; \$500,000 untuk Maksud B. 7; \$122,336,696 untuk Maksud B. 8 dan \$50,000 untuk Maksud B. 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,992,307 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dan \$23,400,000 untuk Maksud P. 8 dalam' Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,992,307 untuk Maksud P. 7 dan \$23,400,000 untuk Maksud P. 8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 24 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 24 dan Kepala P. 24 terbuka untuk dibahas. Oleh sebab tidak ada perbincangan, maka saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$152,956,294 untuk Maksud B. 24 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$152,956,294 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 25 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk perbincangan. Oleh sebab tiada perbincangan, maka saya kemukakan

masalah bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50 yang disebutkan dalam Maksud P. 25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 26 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Oleh sebab tiada perbincangan, maka saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$850,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 1982 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$850,000 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 27 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 27 dan Kepala Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Tidak ada siapa-siapa yang hendak membincang, saya hendak tarik balik had

15 minit (*Ketawa*). Saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$180,720 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$180,720 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,500,020 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,500,020 untuk P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 30 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 30 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tiada perbincangan, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$253,000,000 untuk Maksud B. 30 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$253,000,000 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan peruntukan di bawah P. 31

Kementerian Pelajaran berjumlah \$30,148,161 dan terbuka untuk dibahas.

430 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang Dipertua, saya suka mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Pembangunan (Tambahan) di bawah Maksud P. 31 Kementerian Pelajaran berjumlah \$30,148,161. Tuan Pengerusi, dalam konteks Kerajaan 2M yang menitikberatkan soal-soal menyerapkan unsur-unsur Islam ke dalam pentadbirannya, saya suka menyentuh tentang sekolah agama yang diambilalih oleh Kerajaan Pusat yang dahulunya ditadbirkan sepenuhnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia. Alhamdulillah, boleh dikatakan semua negeri-negeri di Semenanjung mempunyai sekolah-sekolah menengah agama yang dikelolakan sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran, kecuali di negeri Pahang di mana tidak ada sebuah pun sekolah menengah agama yang ditadbirkan oleh Kementerian berkenaan. Keadaan ini amat mengecewakan dan sepatutnya tidaklah boleh diabaikan oleh kerana perbuatan demikian tidak mencerminkan aspirasi dan kehendak pucuk pimpinan kita.

Dalam kawasan saya sendiri iaitu Pekan terdapat sebuah sekolah menengah agama yang dinamakan Kuliah Sultan Abu Bakar. Sekolah ini merupakan sekolah agama yang tertua di negeri Pahang di mana murid-muridnya dipilih dari sekolah agama dan kebangsaan di tiap-tiap daerah. Selain daripada mempunyai bilik-bilik darjah, padang permainan, ia juga mempunyai asrama penuh untuk menampung murid-murid lelaki dan perempuan. Murid-murid itu dapat berpeluang mengambil mata pelajaran agama; dan mata pelajaran biasa yang

didapati di sekolah-sekolah kebangsaan seperti Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa Malaysia dan sebagainya dan mereka juga diberi peluang menduduki peperiksaan SRP/SPM yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Ramai daripada lepasan sekolah ini telah memasuki bidang-bidang pilihan mereka sendiri. Mereka itu diterima menjadi guru-guru agama di sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh negeri ini. Ada di antara mereka pergi ke Kolej Islam dan tidak kurang ramai juga yang terus melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti Al-Azhar di Cairo oleh kerana kelulusan STU (Sijil Tinggi Agama) diiktiraf oleh Universiti berkenaan.

Sekolah ini mempunyai ramai guru-guru berijazah tinggi lepasan Universiti Al-Azhar dan lain-lain dari Timur Tengah, tetapi amat sedih sekali kerana terdapat hanya seorang guru lepasan Universiti Malaya yang mengajar mata pelajaran-mata pelajaran akademik dan lain-lain yang merupakan guru sementara sahaja. Dalam soal ini saya ingin menyeru Menteri Pelajaran agar membekalkan guru-guru terlatih akademik secara langsung atau secara pinjaman bagi mengimbangi dan membaiki taraf pelajaran akademik dengan pelajaran agama. Saya juga mencadangkan supaya sekolah ini ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran sepenuhnya dan menjadikannya sebagai sekolah menengah agama utama bertaraf universiti kolej di mana murid-muridnya boleh melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti di Timur Tengah dan juga universiti-universiti tempatan.

Selain daripada itu, sekolah menengah agama hendaklah diadakan di tiap-tiap daerah bagi membolehkan murid-murid membuat pilihan sama ada hendak masuk sekolah menengah biasa ataupun sekolah menengah agama.

Menyentuh tentang peruntukan pelajaran teknik dan vokesyenal, masih lagi terdapat banyak sekolah-sekolah sedemikian belum lagi dilaksanakan, terutamanya di negeri Pahang yang saya tahu. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebelum Pilihanraya Umum bulan April lalu telah mengumumkan pembinaan Kampus ITM di Jengka. Pengumuman ini dibuat di Pusat Bandar Jengka. Saya berharap pembinaan ini disegerakan. Pengumuman juga telah dibuat oleh Timbalan Menteri Pelajaran dahulu, iaitu Dato Mohamad Najib, untuk mendirikan sebuah sekolah vokesyenal perkapalan di Kuala Rompin, Pahang, di mana sehingga ini projek itu belum dilaksanakan. Saya harap dapat projek ini dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Tidak ketinggalan juga projek sekolah Vokesyenal di Bandar Muazzam Shah yang letaknya di kawasan Pahang Tenggara.

Tuan Pengerusi, terdapat kelemahan-kelemahan kordinasi atau penyelarasan di antara jabatan-jabatan Kerajaan dengan agensi-agensi seperti FELDA dari segi mendirikan sekolah-sekolah baru di luar bandar dalam kawasan FELDA. Di kawasan Gugusan FELDA Keratong, Pahang, umpamanya, peneroka serta keluarga mereka telah memasuki rancangan-rancangan baru di satu-satu kawasan akan tetapi anak-anak mereka terpaksa menghadapi masalah tiada sekolah-sekolah ditempatkan di tempat-tempat itu, terpaksa ibu bapa mereka menghantarkan anak-anaknya ke sekolah-sekolah yang ada di rancangan yang jauh dari tempat mereka bekerja, dengan membonceng di belakang motosikal Honda mereka. Tidak kurang juga di setengah-setengah rancangan, rumah peneroka dijadikan bilik-bilik darjah dan rumah-rumah guru untuk mengatasi kekurangan dan kelambatan mendirikan sekolah-sekolah baru itu. Saya cadangkan agar Kementerian

meneliti dan mendirikan sekolah-sekolah baru secara turnkey system. Dengan itu di mana sekdlah-sekolah itu cukup dengan peralatan yang tersendiri, cuma Kementerian mengadakan guru-guru sahaja secara berasingan.

Tuan Pengerusi di bandar Pekan ada terdapat sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang telah didirikan di atas sebidang tanah Kerajaan. Dua minggu dahulu saya diundang merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah sekolah tersebut. Sekolah ini amat popular dan mendapat sambutan yang hangat dari masyarakat kaum Cina. Sambutan yang hebat dari masyarakat Melayu setempat mengakibatkan bertambahnya murid-murid Melayu dari setahun ke setahun. Apa yang menjadi tandatanya kepada Persatuan Ibu Bapa dan pengurusan sekolah itu ialah mengapakah bangunan tambahan dua tingkat yang berharga lebih kurang \$250,000 yang telah diiklankan tawarannya dalam akhbar pada bulan Mei tahun ini masih belum didirikan lagi. Di sini sukalah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan terhadap perkara ini.

Tuan Pengerusi, buat akhir kata sekali lagi saya menyokong Peruntukan Tambahan Pembangunan Keempat 1981 bagi Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.38 ptg,

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, mengenai Maksud P. 31 permintaan untuk tambahan \$30 juta untuk Pelajaran Menengah, saya mahu timbulkan, khususnya mengenai perkara Puplis' Own Language (POL) dalam Sekolah Menengah.

Pada masa sekarang sungguhpun mengikut Akta Pelajaran dalam satu-satu kelas Sekolah Menengah apabila ada sekurang-kurangnya 15 orang yang mahu belajar bahasa ibunda, pihak sekolah harus menyediakan kelas-kelas tersebut. Tetapi apa yang sudah berlaku ialah oleh kerana kekurangan guru-guru yang boleh mengajar bahasa ibunda dan oleh kerana taraf pencapaian bahasa ibunda antara murid-murid dalam satu-satu kelas berbeza, mengakibatkan program POL atau bahasa ibunda di sekolah menengah Kerajaan boleh dikatakan satu program yang sangat tidak memuaskan, sehingga pelajar-pelajar yang mahu belajar bahasa ibunda tidak dapat peluang untuk mempelajari bahasa itu. Dan saya harap sungguhpun pihak Kementerian Pelajaran selepas Laporan Kabinet ada membuat perakuan-perakuan bahawa pelajaran bahasa ibunda patutlah dibetulkan dan diperbaiki, tetapi tidak ada apa-apa perubahan yang besar dan kalau semua ibu bapa ada ditanya sama ada mereka mahu anak-anak mereka di Sekolah-sekolah Menengah belajar bahasa ibunda, saya percaya response dan reaksi masa itu dengan keadaan yang sekarang jauh perbezaan.

Saya rasa sangat tidak memuaskan di mana dalam satu kelas mungkin ada mereka yang datang daripada Sekolah Cina, daripada Sekolah-sekolah Rendah dan mereka yang tidak datang daripada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, tentulah ada pencapaian dalam bahasa ibunda yang berbeza. Sebab itu saya harap bahawa program Pupils' Own Language dikaji semula bukan berasas satu kelas, oleh kerana perbezaan pencapaian dalam bahasa ibunda, tetapi mungkin standard ataupun sekolah untuk sesiapa yang mahu belajar, bukan satu kelas apabila ada 15 orang pelajar-pelajar yang mahu belajar barulah ada kelas-kelas P.O.L., tetapi mungkin untuk satu tahun daripada semua pelajar-pelajar

yang mahu belajar apa-apa standard dalam bahasa ibunda, standard dan kelas-kelas diperuntukkan.

Kedua, oleh kerana sistem yang ada sekarang yang begitu tidak memuaskan yang mengakibatkan ramai pelajar-pelajar yang mahu belajar bahasa ibunda dan ramai ibu bapa yang mahu anak mereka belajar bahasa ibunda tidak dapat belajar. Saya harap mungkin satu Jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengkaji pada keseluruhannya masalah-masalah Pupils' Own Language supaya peruntukan mengenai Pupils' Own Language ada makna dan erti bukan sahaja peruntukan dalam Akta Pelajaran dan tentu lebih baik ialah untuk memperuntukkan bahawa kelas-kelas bahasa ibunda tetap ada, selain daripada ibu bapa-ibu bapa yang tidak mahu anak-anak belajar bahasa ibunda.

Ketiga, mengenai bahasa yang kedua dan bahasa yang ketiga. Baru-baru ini kita ada dapat satu pengumuman oleh Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri bahawa mengikut dasar sekarang untuk memandang ke Timur bahasa ada rancangan untuk menjadikan bahasa Jepun menjadi bahasa ketiga dan mungkinlah ini bererti bahawa Bahasa Malaysia menjadi bahasa utama, bahasa Inggeris bahasa kedua dan bahasa Jepun bahasa ketiga. Saya harap bahawa sama ada ini betul atau tidak betul, Yang Berhormat Menteri Pelajaran bolehlah membuat penjelasan dalam perkara ini.

Saya rasa sangat terperanjat kalau itulah keadaan oleh kerana saya rasa apa yang patut diadakan dalam masyarakat kita ialah Bahasa Malaysia yang bahasa utama dan untuk mereka yang mahu belajar bahasa ibunda, bahasa Cina atau bahasa Tamil patut menjadi bahasa ketiga atau bahasa Inggeris bahasa kedua dan ketiga bahasa masing-masing dan bahasa

Jepun sebagai satu bahasa optional dan sebagainya, itu sangat mustahak untuk mendapatkan tempat yang sewajarnya untuk setiap bahasa yang patut dipelajari di sekolah-sekolah kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebut sedikit mengenai suasana dalam Sekolah-sekolah Menengah supaya kita bukan mengeluarkan digit-digit daripada Sekolah-sekolah Menengah, tetapi rakyat yang boleh berfikir, yang boleh menjadi warganegara yang sihat dan saya harap bahawa dalam sekolah-sekolah Menengah kita bahawa pentadbir-pentadbir sekolah boleh bekerja rapat dengan ibu bapa-ibu bapa mengenai pelajaran anak-anak mereka.

P.I.B.G. (Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru) yang sekarang ada, saya rasalah tidak memuaskan oleh kerana PIBG di banyak sekolah di mana tempat menjadi satu peluang untuk ahli-ahli politik tempatan terdiri daripada Barisan Nasional untuk mendapat jawatan lebih ramai sahaja dan tidak boleh mendapat response daripada ibu bapa-ibu bapa, anak-anak di sekolah-sekolah bahawa mereka patut bersama-sama dengan pentadbir sekolah dengan guru-guru sekolah untuk bekerjasama demi kepentingan pelajaran anak-anak mereka. Saya haraplah bahawa perkara ini patut dikaji dan supaya Sekolah-sekolah Menengah kita boleh lebih berjaya.

4.47 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Park): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi Kementerian Pelajaran, saya ingin menyentuh berkenaan dengan sekolah-sekolah berasrama penuh.

Di sini saya ingin mengemukakan masalah sekolah menengah berasrama penuh yang baru dibuka. Selalunya apabila sesebuah sekolah berasrama penuh ini dibuka pelajar-pelajarnya

akan didatangkan daripada murid-murid sekolah rendah yang telah terpilih dan juga daripada pelajar-pelajar Tingkatan Tiga yang akan masuk ke Tingkatan Empat dan juga pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah.

Saya berikan contoh di sini, Sekolah Menengah Sains, Perak di Taiping; Sekolah ini telah dibuka dalam Penggal III tahun 1982 yang lepas ini, tetapi apa yang berlaku di Sekolah Menengah Sains yang baru dibuka ini dan mungkin sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang lain juga selalu kurang kelengkapan dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran, sedangkan ibu bapa-ibu bapa berasa begitu menaruh harapan penuh apabila anak-anak mereka dihantar ke Sekolah Menengah Sains ataupun sekolah asrama penuh, anak-anak mereka akan mendapat layanan yang sama seperti yang diterima oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang telah lama atau yang telah establish, jadi sepatutnya apabila sesebuah sekolah asrama penuh dibuka mestilah segala kemudahan-kemudahan, segala kelengkapan-kelengkapan yang dinikmati oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang lain kalau tak pun sepenuhnya, hampir mencukupi supaya pelajar-pelajar di situ tidaklah merasakan yang mereka tidak mendapat layanan yang sama sedangkan mereka juga mempunyai hak yang sama dengan pelajar-pelajar di sekolah menengah yang lain, mereka juga akan menghadapi pelajaran yang sama dan akan menghadapi peperiksaan yang sama.

Di Sekolah Menengah Sains Taiping, Perak, yang pertama sekali kekurangan kelengkapan untuk makmal-makmal sains rumahtangga dan seni perusahaan. Dalam pelajaran sains rumahtangga, pelajar-pelajar Tingkatan I hanyalah belajar teori sahaja kerana alat-alat untuk belajar

secara praktikal belum dibekalkan. Di sini juga murid-muridnya berasa ketinggalan, terutamanya apabila mereka pergi ke perpustakaan, perpustakaan mereka kosong, terpulangnya kepada inisiatif guru besar untuk berusaha mencari jalan bagaimanakah hendak mengisi perpustakaan yang kosong itu, iaitu sama ada dengan memanggil ibu bapa-ibu-bapa menubuhkan PIBG minta derma (donation) untuk mendapatkan wang bagi mengisi perpustakaan. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan sukan dan permainan juga tidak ada. Di sini juga pelajar-pelajar menghadapi masalah pengangkutan. Sekolah Menengah Sains yang begitu cantik didirikan dalam kawasan kebun bunga yang begitu indah adalah jauhnya lebih kurang 2 batu daripada Bandar Taiping. Jadi pelajar-pelajar amatlah sukar untuk pergi ke Bandar Taiping untuk membeli sesuatu keperluan kerana tidak ada pengangkutan kalau dibandingkan dengan sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman, Sekolah Menengah Sains, Pulau Pinang misalnya, cukup dengan pengangkutan bas keluar-masuk untuk kemudahan pelajar-pelajar ini. Sepatutnya walaupun tidak dapat kemudahan yang sepenuhnya seperti yang dinikmati oleh pelajar-pelajar di sekolah yang saya sebutkan tadi memadamkan dengan membekalkan sebuah bas mini sekurang-kurangnya dapatlah 20-30 orang murid sekali keluar ke bandar untuk membeli keperluan-keperluan mereka.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran iaitu apabila sesebuah sekolah menengah asrama penuh ditubuhkan eloklah dilengkapi kemudahan-kemudahan asas. Yang keduanya, Kementerian Pelajaran juga sepatutnya memberikan peruntukan khas sekurang-kurangnya \$100,000 selain daripada bantuan PCG kerana bantuan PCG ini bukannya

apabila dibuka sekolah terus dapat, kena tunggu pula permohonan, kena isi borang, kalau sekolah buka bulan Januari, bulan Mei belum tentu dapat. Jadi ertinya dalam tempoh 4-5 bulan dengan apakah perbelanjaan yang hendak dijalankan oleh pihak guru besar untuk mentadbirkan sekolah tersebut. Jadi dengan peruntukan khas ini dapatlah guru besar itu merancang keperluan-keperluan yang amat mustahak untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar di sekolah tersebut semoga dengan ini pelajar-pelajar tidaklah merasa yang mereka itu ketinggalan dari segi layanan dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain. Di sini juga menyebabkan beberapa orang pelajar-pelajar di sekolah yang tersebut telah meninggalkan sekolah itu kembali ke sekolah mereka yang lama, ke sekolah yang tidak berasrama kerana di situ ada lebih mudah, ada banyak kemudahan-kemudahan, permainan cukup, sukan berjalan, perpustakaan penuh sedangkan di sekolah asrama penuh yang mereka masuki kemudahan ini tidak ada sedangkan mereka berharap sangat untuk menimba ilmu pengetahuan di sekolah asrama penuh ini. Jadi dengan peruntukan yang saya cadangkan tadi dapatlah guru besar itu membeli buku-buku perpustakaan yang mustahak sekali sebagai tempat rujukan pelajar-pelajar yang telah ditempatkan di sekolah yang tersebut.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, selalunya pembukaan sekolah-sekolah ini, terutamanya sekolah-sekolah menengah di luar-luar bandar, pihak perancang selalu melupakan berkenaan dengan taburan penduduk dan juga taburan murid-murid. Misalnya, saya beri contoh di kawasan saya sebuah sekolah menengah telah ditubuhkan dalam tahun 1978, iaitu Sekolah Menengah Sultan Mudzaffar Shah I, Lambor Kanan. Sekolah ini semasa ditubuhkan mengandungi 10 bilik darjah dan apabila sekolah ini dibuka pada tahun 1978 muridnya telah

mengandungi 800 orang. Dengan 800 orang murid, 10 bilik darjah sudah tentulah akan menghadapi kesulitan bagi menempatkan pelajar-pelajar ini dan terpaksa dibuka 2 sesi pagi dan petang dan masih lagi memerlukan kelas terapung (floating). Masalah ini dikemukakan kepada pihak Jabatan Pelajaran dan dengan peruntukan tahun berikutnya adalah rancangan bangunan tambahan. Jadi ertinya baru setahun sekolah itu dibuka terpaksa pula dibina sebuah lagi bangunan tambahan, bukankah dengan cara ini akan menggunakan perbelanjaan yang tidak ekonomi. Kalau sekali dibina dengan bilangan kelas yang cukup, bilangan kelas yang berlebihan sudah tentu akan menjimatkan perbelanjaan. Masalah-masalah kemudahan tadi sama, apabila sekolah itu dibuka tak ada apa benda yang ada, jadi terpaksa guru besar berusaha untuk mencari jalan, berpakat-pakat dengan ibu bapa untuk kutip derma sedikit sana, sedikit sini untuk membeli alat-alat permainan, alat sukan dan juga buku-buku perpustakaan.

Di sini saya mengharapkan kepada pihak Kementerian supaya 2 perkara yang saya kemukakan ini akan dapat perhatian dan tiap-tiap rancangan yang hendak kita buat hendaklah melihat jangka panjang dan sentiasa memerhatikan kedudukan tempat tersebut dari segi taburan penduduk dan juga taburan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan di sekitarnya.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya dengan ini menyokong peruntukan tambahan untuk pembangunan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

4.57ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh perkara pelajaran menengah di Jinjang dan Kepong.

Pada tempoh hari dengan pengambilan penuntut-penuntut yang baru untuk tahun depan saya telah menerima banyak aduan tentang penempatan murid-murid lepasan sekolah rendah di kawasan Jinjang dan Kepong. Di Kampung Baru Jinjang yang terbesar di negara ini berjumlah 65,000 orang terdapat satu sekolah menengah yang tidak mampu untuk menampung semua murid-murid lepasan sekolah di Jinjang dan kawasan sekitarnya. Saya pun tak tahu cara-cara dan aturan-aturan yang digunakan untuk menempatkan murid-murid lepasan sekolah rendah kerana terdapatnya murid-murid ditempatkan di Jalan Ipoh dan kadangkala di Kepong Baru.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Masalahnya kerana di Jalan Kepong seringkali jalan sesak, jadi susah untuk murid-murid daripada kawasan Jinjang untuk pergi ke Kepong Bahru ataupun ke Jalan Ipoh, kerana pada pukul 6.30 pagi hingga 7.00 pagi sangat sesak di situ. Saya hendak menyeru supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian tentang cara-cara dan aturan-aturan untuk menempatkan murid-murid lepasan sekolah rendah di kawasan Jinjang dan jikalau didapati sekolah itu tidak mampu untuk menampung semua murid-murid lepasan sekolah rendah di kawasan Jinjang, maka baiklah Kementerian Pelajaran mengkaji kemungkinan untuk mengadakan satu sekolah menengah baru yang kedua di Jinjang.

Ada satu hal lagi tentang penagih-penagih dadah yang pada waktu malam masuk ke sekolah untuk menjalankan kegiatan dan ada saya terdengar tetapi tidak boleh mengesahkan sama ada ramai penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Jinjang itu terlibat dengan dadah, Sebab itu saya mintalah Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya menyasat sama ada maklumat yang saya beri itu benar ataupun tidak.

Tentang prestasi dalam Sijil SPM ataupun SRP Sekolah Menengah Jinjang itu nampaknya kurang baik dan kurang memuaskan. Keputusan-keputusan peperiksaan SPM dan SRP untuk sekolah itu tidak berapa baik. Memang mungkin kerana keadaan sosio-ekonomi kawasan itu ataupun faktor-faktor yang lain. Oleh itu saya berharap Kementerian Pelajaran dapat menjalankan siasatan yang selanjutnya untuk menentukan sebab-sebab yang mengakibatkan prestasi dan hasil sekolah itu tidak memuaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.02 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya suka menyentuh berkenaan dengan peruntukan Kementerian Pelajaran mengenai dua perkara.

Pertama, masalah sekolah-sekolah kecil yang bertaburan di negara kita ini. Dari amalan-amalan yang ada sekarang ini sekolah-sekolah yang keramaian muridnya di bawah 180 orang di sekolah itu tidak ada ditempatkan kerani ataupun budak pejabat. Ini menjadikan suatu bebanan yang berat kepada Guru-guru Besar yang ada di sekolah-sekolah kecil itu, kerana tugas dan peranan Guru-guru Besar di mana-mana sekolah pun pada amnya adalah sama tetapi dengan keadaan yang ada sekarang ini bebanan kerja bagi Guru-guru Besar yang ditempatkan di sekolah-sekolah yang kecil ini adalah terlalu berat jika dibandingkan dengan Guru Besar yang ada di sekolah-sekolah besar yang murid-muridnya 180 orang ke atas. Kerana saya katakan begitu, mengikut amalan yang ada sekarang ini bahawa di sekolah-sekolah ini walaupun kecil ianya tetap mempunyai 6 aliran iaitu Darjah 1 sampai Darjah 6 sedangkan guru-guru yang ditempatkan di situ apa

yang saya lihat sekarang ini dalam satu kelas katalah di sekolah-sekolah besar 40-50 orang tetapi di sekolah-sekolah kecil ini tentulah tidak sampai sebanyak itu, walaupun bilangan itu kecil tetapi tanggungjawab seseorang guru kepada sebuah kelas itu adalah sama di antara murid' yang banyak dengan yang sedikit, kecuali jika guru itu hendak memeriksa buku rancangan dan sebagainya, barangkali sekolah-sekolah besar itu lebih berat sedikit. Tetapi apa yang saya bangkitkan ini ialah masalah tanggungjawab Guru Besar itu. Dialah juga terpaksa mengajar dan memegang darjah, dialah juga menjadi kerani, dialah juga jadi budak pejabat sedangkan di sekolah-sekolah yang besar di mana dapat ditempatkan kerani, budak pejabat. Kebanyakan Guru-guru Besar ini tidak mengajar ataupun tidak memegang kelas. Jadi dengan adanya sistem baru ini iaitu KBSR saya merasa bimbang kerana Guru Besar ini kalau diibaratkan kepada sebuah kapal, bolehlah dianggap sebagai seorang kapten kepada sebuah kapal. Jadi kalau kapten itu juga hendak menjadi kelasi di samping menjadi kapten yang akan menentukan arah haluan kapal dan dia juga menjadi jurubatu dan jurumudi, saya bimbang arah haluan kapal ini tidak akan sampai kepada sasarannya. Kerana Guru Besar ini juga akan menyelia tentang kesempurnaan perjalanan kelas KBSR yang akan dimulakan pada tahun hadapan. Jadi kalau Guru Besar di sekolah kecil ini juga terpaksa mengajar bagaimana caranya beliau dapat membahagikan masa untuk menyelia dan memerhati supaya perjalanan KBSR ini dapat berjalan sepertimana yang dikehendaki.

Oleh sebab itu saya berharaplah bagi masa-masa akan datang masalah bebanan kerja Guru-guru Besar di sekolah-sekolah yang kecil ini patutlah diperhati dan diberi pertimbangan supaya dapat kita berusaha mempertingkatkan lagi bukan sahaja

dari segi pentadbiran yang ada di sekolah itu tetapi dari segi prestasi; kemajuan yang bakal dicapai oleh sekolah-sekolah yang kecil itu.

Perkara yang kedua saya bersependapat dengan rakan saya daripada Parit tadi tentang masalah perancangan. Saya tidaklah hendak menyalahkan kepada pegawai-pegawai perancang di Kementerian Pelajaran ini kerana ada kait-mengait di antara satu sama lain. Sebab saya kata begitu, misalnya barangkali pihak perancang Kementerian Pelajaran telah merancang pembangunan sesebuah sekolah itu bagi menampung keperluan sekurang-kurangnya 5 tahun bagi sesuatu tempat itu tetapi barangkali pihak Perbendaharaan memikirkan wangnya terlalu banyak maka peruntukan itu dipotongnya pula. Maka dengan sebab itu perancangan yang asal itu jadi kecil. Jadi saya berharaplah kalau benar pandangan saya itu, pihak Perbendaharaan patutlah bersimpati dengan Kementerian Pelajaran terutama kepada pegawai perancang ini supaya segala kesalahan-kesalahan itu tidak dibebankan kepada Kementerian Pelajaran khususnya kepada pegawai-pegawai perancang di Kementerian Pelajaran ini.

Saya katakan begitu kerana ada sebuah sekolah di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Baru Lenggong. Sekolah Menengah Baru Lenggong ini mula digunakan pada tahun 1981 di mana jumlah murid-muridnya lebih daripada 250 orang dan pada tahun 1982 murid-murid di situ telah meningkat lebih daripada 520 orang dan pada tahun ini murid-murid di situ telah meningkat kepada 820 orang lebih. Jadi dengan keadaan yang demikian terjadilah 11 buah "kelas terapung" sebagaimana kata sahabat saya dari Parit tadi, tidak ada tempat untuk meletakkan budak-budak itu.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran telah merancang satu lagi bangunan baru yang dinamakan Sekolah Menengah Raban yang terletak lebih kurang 10 batu dari Lenggong, dengan harapan hendak menampung keperluan pelajaran menengah di Sekolah Menengah Baru Lenggong ini. Walau bagaimanapun dalam mesyuarat ibu bapa yang saya hadiri baru-baru ini kata Guru Besar itu masih ada 3 buah kelas lagi yang akan menjadi "kelas terapung". Saya tanya kepada Guru Besarnya macam mana cara kita hendak mengatasi masalah ini, dia mengatakan kita terpaksa gunakan kantin atau di mana-mana yang sesuai.

Di dalam perjumpaan dengan ibu bapa di situ Guru Besar ini memberi jaminan bahawa ibu bapa janganlah bimbang: Anak tuan-tuan semua, katanya, insya Allah, akan dapat tempat pelajaran yang selesa. Ada di antara ibu bapa bila balik dari perjumpaan itu mereka bertanya kepada saya: Macam mana Yang Berhormat, anak-anak saya esok bila belajar di tempat yang tidak sesuai ini barangkali akan terjejas kemajuan pelajarannya? Saya menyebelahi Guru Besar, sambil menyatakan: Insya Allah, tidak apa, masalah tempat ini tidaklah menjadi soal sangat, yang pentingnya ialah kemahuan anak-anak kita dan kemampuan guru-guru untuk memberi pelajaran. Tetapi sebenarnya dalam hati kecil saya berkata-kata juga tetapi sebagai orang politik, kita cuba pertahankan keadaan itu.

Kelas terapung ini memang bukan sekarang. Sebagai bekas guru, selama 28 tahun mengajar khususnya di sekolah menengah sahaja 12 tahun, memanglah selalu mengalami berkenaan dengan kelas terapung, kadang-kadang budak-budak terpaksa menjunjung kerusi macam orang jual kacang putih dari satu kelas ke satu kelas. Misalnya kelas yang mereka akan masuki itu katalah hanya ada 40 buah kerusi, sedangkan budak-budak

ada 50 orang, mereka kena bawa 10 buah kerusi lagi untuk menampung kekurangan itu. Kekosongan kelas itu kerana budak-budak itu pergi ke Makmal Sains. Katalah umpamanya Tingkatan 3A pergi ke Makmal Sains, kelas dia kosong, budak-budak kelas terapung masuk ke sana. Ataupun katalah 3D pergi ke kelas Seni Perusahaannya (Industrial Art) kelas dia kosong, budak-budak ini masuk ke sana.

Ini sebenarnya bukan sahaja merugikan masa tetapi akan menimbulkan satu suasana yang tidak baik dari segi moral tambahan lagi keadaan ini di kawasan-kawasan luar bandar. Saya berharaplah supaya di dalam masa perancangan pada masa akan datang janganlah masuk tahun ketiga itu sudah tiada tempat. Kalau boleh sekurang-kurangnya kalau tahun 1983 dipakai biarlah sampai tahun 1988 tidak menjadi masalah, sementara itu sempatlah kita mendirikan sekolah-sekolah yang baru. Dalam masalah ini pihak Perbendaharaan saya harap, terutamanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ada di sini patut beri simpati yang penuh kepada masalah pelajaran ini, kerana kalau kena budak-budak tiada tempat belajar, bukan Menteri Kewangan yang kena tetapi Menteri Pelajaran. Saya simpati dengan Datuk Dr Sulaiman, Menteri Pelajaran sekarang ini. Saya berharap di dalam kajian Separuh Penggal kelak, di mana-mana difikirkan perlu dari segi pelajaran, janganlah lokek sangat patutlah diberi keutamaan supaya kita dapat memberi pelajaran yang sempurna sebagaimana yang kita janjikan kepada rakyat di dalam negara ini.

Selain daripada itu, saya dengar juga di setengah-setengah sekolah saya balik minggu yang lepas sudah dihantar kertas-kertas stensil tetapi di sekolah-sekolah pendalaman tidak ada mesin pendua (gestetner) dan juga mesin tulis (typewriter). Bagaimanakah guru-guru itu hendak menggunakan kertas stensil

itu, mungkinlah sebagai seorang guru dia mempunyai kewibawaan yang tinggi barangkali dia boleh meminjam di sana sini, inipun saya rasa akan menjatuhkan moral Kementerian Pelajaran. Saya mencadangkan kalau boleh kalau tidak dapat kita membekalkan tiap-tiap sekolah, kita tengoklah di mana satu kawasan yang berhampiran 4, 5 buah sekolah kita tempatkan satu untuk kegunaan 4, 5 buah sekolah di sekitarnya. Kemudian di sana pula 3, 4 buah sekolah kongsi satu mesin pendua (gestetner) supaya dapat guru-guru ini menggunakannya untuk kepentingan pelajaran kanak-kanak kerana mengikut sistem KBSR ini kanak-kanak tidak memakai buku rampaian lagi, barangkali dengan memakai nota-nota, risalah-risalah ini untuk diberikan kepada murid-murid, kalau tidak ada mesin gestetner ini akan menjejaskan kelicinan dan kelancaran KBSR di sekolah-sekolah rendah.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya berharap pandangan saya ini akan dapat perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Satu perkara yang saya mahu timbul di sini oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini ialah mengenai tidak lama dahulu ada satu arahan yang dikeluarkan daripada Kementerian Pelajaran untuk melarang majallah-majallah sekolah mengadakan iklan-iklan dan sungguhpun saya ada menimbulkan perkara ini dalam perbahasan budget tetapi jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Pelajaran tidak begitu memuaskan dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada di sini boleh memberi satu penjelasan yang lebih menyeluruh. Oleh kerana dalam sekolah pelajar-pelajar patutlah

digalakkan untuk mengadakan kegiatan-kegiatan kreatif dan mengadakan majallah-majallah sekolah di mana pelajar-pelajar dengan sendiri bertanggungjawab untuk mengarang, proof-read dan mengeluarkan satu majallah, satu tindakan, satu usaha yang sangat kreatif.

Saya boleh bercakap begitu oleh kerana Tuan Pengerusi sendiri pun tahu bahawa dalam masa persekolahan kita ada mengambil bahagian yang aktif dalam perkara-perkara menyediakan majallah-majallah bukan sahaja majallah-majallah sekolah tetapi juga majallah-majallah kelas. Saya rasa Tuan Pengerusi pun ada mengambil bahagian untuk mengeluarkan majallah-majallah kelas dalam rumah dia dan saya harap usaha-usaha semacam ini patut digalakkan dan bukan untuk mengadakan larangan-larangan, halangan-halangan di mana impulse creative, initiative, daya usaha semua dipadamkan.

Saya haraplah bahawa larangan terhadap iklan-iklan dalam majallah-majallah sekolah dan untuk mendapatkan iklan-iklan dalam majallah-majallah sekolah oleh kerana majallah-majallah kelas tidak timbul, bolehlah dibatalkan oleh kerana saya tidak percaya bahawa mendapat iklan-iklan dalam majallah-majallah sekolah boleh menimbulkan masalah corruption. Kalau ada patutlah pihak Kementerian Pelajaran ambil tindakan, ACA masuk dan sesiapa yang ada terlibat dalam rasuah dan menyalahgunakan kuasa dihadapkan kepada mahkamah, tindakan diambil tetapi janganlah untuk menidakkan peluang-peluang anak-anak kita, pelajar-pelajar kita untuk berusaha mengeluarkan majallah-majallah di mana creative impulse boleh digalakkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

5.19 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Di sini saya ingin menyentuh masalah pembangunan di Kementerian Pelajaran.

Mengenai bangunan-bangunan sekolah rendah dan juga di sekolah-sekolah menengah, di sini saya dapati banyak apa yang telah berlaku pada masa yang sudah-sudah apabila Kementerian Pelajaran mendirikan bangunan-bangunan baru ataupun bangunan-bangunan tambahan, di sini saya dapati banyak ketinggalan dalam masalah di satu segi iaitu di segi terhadap Islam. Saya bercakap ini bukan kerana saya seorang ahli agama tetapi saya sebagai seorang Islam yang cintakan kepada agama dan saya mesti mempertahankan dan berhak bercakap dalam masalah agama.

Tuan Pengerusi, di sini saya lihat sepertimana yang sudah-sudah bangunan-bangunan sekolah yang baru dibuat ataupun bangunan-bangunan tambahannya, perancang di Kementerian itu tidak terlintaskan masalah dalam mendirikan surau. Jadi saya berharaplah kepada Kementerian Pelajaran agar apabila mendirikan bangunan-bangunan sekolah ataupun bangunan-bangunan baru ataupun tambahan hendaklah diadakan surau-surau yakni tujuannya ialah supaya dapat memudahkan guru-guru agama melatih murid-murid itu mendirikan sembahyang dan mengetahui ke arah manakah arah kiblat. Ada setengah guru agama, saya minta maaf, sebab saya dulupun bekas guru dan saya tahu sangat dalam masalah ini, selalu guru-guru agama ini kebanyakannya mengajar cara mendirikan sembahyang cuma dari segi teori tetapi tidak dipraktik secara praktikal. Di sini saya berharaplah supaya Kementerian Pelajaran menyedari hakikat ini, ini supaya dapat murid-murid itu mempraktikkan cara-cara sembahyang dari ibadah.

Jadi kalau kita hendak menumpang dalam satu bilik darjahnya kadang-kadang tidak mencukupi kerana dari segi tambahan murid-murid bertambah dari satu masa ke satu masa. Sebagaimana kebiasanya diajar oleh guru-guru agama cuma di segi teori sahaja iaitu tanpa praktikal. Jadi dimanakah letaknya sebagai seorang murid yang beragama Islam dapat mempraktikkan ibadah sembahyang itu yang mana kita sedia maklum bahawa pada masa ini terlalu ramai murid-murid yang beragama Islam yang dinamakan Islam—"Islam keturunan" bukan "Islam baka"; jadi terlalu ramai sangat murid-murid sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah yang tidak tahu langsung cara bersembahyang dan cara beribadah. Kita tidak harus menyalahkan sesiapa dalam perkara ini sama ada di segi kelemahan dalam masalah agama dan juga di segi kelemahan murid-murid itu sendiri.

Di sini kita tahu sebagaimana yang kita dengar daripada guru-guru agama, tok-tok guru kita apabila mengajar, menceritakan bahawa apabila dunia hendak akhir zaman ini ayat-ayat Quran dibawa naik ke langit. Yang sebenarnya bukan ayat Quran itu dibawa naik ke langit, sebenarnya kita manusia ini yang tidak tahu, yang tidak ambil berat dalam masalah agama maka dengan sebab itulah Tuhan tarik ayat Quran naik ke langit kerana kita sendiri tidak mempraktikkan, tidak melatih dim kita dalam masalah agama. Jadi saya berharaplah kepada Kementerian supaya mengambil perhatian yang serius supaya dalam masalah tempat ibadah sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah di adakan.

Dalam masalah perabut-perabut sekolah, di sini saya dapati selalunya apabila Kementerian mendirikan bangunan-bangunan baru ataupun bangunan-bangunan tambahan selalunya terdapat bermacam-macam masalah timbul, bermacam-macam

masalah seperti kekurangan kerusi dan meja. Misalnya dalam satu darjah itu kebiasaan ramai muridnya antara 40 hingga 50 orang murid. Jadi kerusi atau meja itu cuma yang ada antara 30 ke 40. Bagaimana perasaaan seorang guru dan juga murid-murid ini hendak mempelajari dalam mata pelajarannya. Sebagai seorang bekas guru saya sedar masalah ini.

Selain daripada itu juga apa yang diperkatakan oleh wakil dari Padang Rengas tadi memang benar misalnya seperti mesin pendua dan juga mesin taip, ada setengah sekolah itu apabila murid-muridnya hendak adakan ujian bulanan ataupun ujian penggal—setahun ada ujian dalam dua penggal, penggal kedua dan ketiga—terpaksa setengah-setengah sekolah itu pergi ke sekolah-sekolah lain untuk menggunakan mesin pendua ini. Inilah yang menimbulkan masalah-masalah di sekolah-sekolah rendah terutamanya di sekolah-sekolah rendah di luar bandar.

Jadi, saya berharap kepada Kementerian apabila mendirikan sekolah-sekolah sama ada sekolah baru ataupun tambahan supaya dapat menyediakan secukupnya dalam masalah kerusi meja, masalah peralatan, perabut-perabut yang lain seperti almari, mesin pendua dan juga mesin taip. Ini memudahkan guru-guru atau kerani-kerani sekolah untuk membuat kerja-kerja mereka. Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menerangkan masalah-masalah yang banyak timbul di kawasan saya, di kawasan Matang, Perak. Pada hari yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tidak tahu di mana Matang. Matang sebenarnya terletak di dalam negeri Perak, tempat yang bersejarah itu. Apabila bangunan-bangunan tambahan didirikan di sekolah-sekolah rendah, contohnya sekolah-sekolah di kawasan saya seperti di Sekolah Kebangsaan Simpang iaitu sekolah di mana saya mengajar sendiri pada suatu ketika

dulu, di Sekolah Kebangsaan Bendang Siam, Sekolah Kebangsaan Terung, Sekolah Kebangsaan Changkat Ibol, Sekolah Kebangsaan Bukit Gantang, Sekolah Kebangsaan Jelutong—ini Jelutong, Taiping, bukan Jelutong Pulau Pinang, yang mana bangunan-bangunan sekolah ini adalah bangunan baru dan bangunan-bangunan tambahan. Di segi pertambahan murid-muridnya adalah menggalakkan, ini ialah disebabkan pertambahan pembangunan di sekitar sekolah-sekolah yang berkenaan. Jadi saya berharap kepada Menteri Pelajaran agar mengambil perhatian terhadap sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu Sekolah-sekolah Kebangsaan yang sudah ada peruntukan pembinaannya tetapi masih tidak dapat dilaksanakan lagi. Di sini saya hendak beritahu Menteri Pelajaran ada dua buah sekolah di kawasan saya iaitu satu daripadanya Sekolah Kebangsaan Sungai Tinggi, Terong dan satu lagi Sekolah Kebangsaan Temelok Terong. Sebagaimana yang saya dapat tahu bahawa kedua-dua buah sekolah ini peruntukannya sudah ada, tetapi kononnya pelan bangunan ini pada suatu ketika diserahkan kepada pihak JKR tetapi sebagaimana yang saya dapat tahu bahawa pihak Jurutera di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran menarik balik itu kepada JKR dan diserahkan kepada Jurutera Perunding yang mana kononnya Jurutera Perunding ini akan memdirikan kedua-dua buah bangunan sekolah ini iaitu secara pasang siap.

Tetapi yang saya tahu bahawa kedua-dua sekolah ini tapaknya pun sudah ada dan seperti Sekolah Kebangsaan Temelok itu Kementerian sudah beli sekeping tanah yang luasnya lebihkurang antara 3-5 ekar kepunyaan sebuah estet yang berhampiran.

Saya berharap kepada Kementerian Pelajaran mengambil perhatian supaya dapat menyegerakan, dapat

menyelesaikan kedua-dua buah sekolah yang saya sebutkan tadi.

Dari segi pegawai-pegawai pula di Kementerian Pelajaran, saya dapati banyak terdiri daripada pegawai-pegawai ini yang dipinjamkan daripada Kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan lain yang diattachkan di Kementerian Pelajaran. Di sini ingin saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran ini dapat diambil daripada guru-guru professional dalam kumpulan G atau kumpulan D. Jadi, diletakkan mereka ini sama ada di Kementerian Pelajaran ataupun di jabatan-jabatan pelajaran oleh kerana mereka ini daripada kalangan guru, di segi guru dapat dinaikkan pangkat mereka itu. Kalau tidak kalangan guru ini kata orang duduk di tahap itu sahaja—guru-guru yang professional. Jadi kalau dapat Kementerian Pelajaran mengambil daripada guru-guru yang professional ini dinaikkan pangkat, ditempatkan di Kementerian Pelajaran untuk mengetuai ketua-ketua jabatan. Jadi, oleh kerana mereka yang terdiri daripada guru, mereka akan tahu dalam masalah sekolah-sekolah. Saya minta maaf kepada pegawai-pegawai daripada yang diattachkan di Kementerian Pelajaran mungkin kerana mereka itu bukan daripada kalangan guru, mereka kurang faham; bukan maknanya mereka tidak tahu—kurang faham dalam masalah sekolah-sekolah. Inilah maksud saya kalau dapat dibanyakkan daripada golongan guru-guru professional ini diletakkan dalam Kementerian, jadi senanglah Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat berbincang dan menyelesaikan dalam masalah-masalah ini.

Itulah sahaja yang saya dapat bercakap mengenai peruntukan Pembangunan Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.35 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya menyokong tambahan peruntukan Kementerian Pelajaran ini dan saya ingin bercakap sedikit sahaja mengenai beberapa masalah.

Yang pertamanya, saya ingin meminta kepada Menteri Pelajaran supaya dapat mengambil perhatian yang serius terhadap pentadbiran am di Jabatan Pelajaran Negeri Perak, bukan sahaja di Jabatan Pelajaran Negeri Perak, saya fikir semua Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri harus dipercepatkan tugas pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri-negeri. Ini adalah berpandukan daripada apa yang saya tahu banyak yang boleh dikatakan perkara-perkara atau kes-kes bersangkutan dengan masalah-masalah guru dan masalah-masalah yang bersangkutan dengan sekolah, pelajaran dan sebagainya, ada yang mengambil masa terlalu lama untuk diselesaikan dan ada di antaranya kes-kes itu kalau sekiranya sama ada guru atau kakitangan sekolah itu tidak pergi ke Jabatan Pelajaran maka kes mereka itu tidak diambil tindakan. Jadi, bermakna kalau semata-mata mengharapkan surat ertinya kes-kes sama ada kes guru atau kes pelajaran, kes kakitangan sekolah dan sebagainya tidak akan dapat diselesaikan dalam jangka masa seperti mana dilaong-laongkan cogankata Kerajaan kita iaitu berkehendakkan kecekapan, itu yang pertama.

Yang kedua, saya sangat bersetuju dengan rakan saya dari Padang Rengas juga Matang mengenai tidak cukupnya alat-alat yang mustahak di sekolah-sekolah. Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya menerima banyak surat-surat permohonan daripada guru-guru besar yang merayu peruntukan daripada Kerajaan sama ada daripada

Wakil Rakyat dan sebagainya meminta membelikan mesin-mesin taip, mesin pendua dan sebagainya. Saya berharaplah keperluan yang benar-benar penting ini dapat dipandang berat oleh Kementerian Pelajaran.

Ketiganya mengenai guru-guru sekolah menengah khususnya yang mengajar ilmu sains dan ilmu hisab. Pada masa sekarang ini boleh dikatakan tiap-tiap sekolah menengah yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran bukan sahaja di dalam kawasan saya bahkan di seluruh negeri Perak dan umumnya di seluruh negara, kita sangat kurang dengan guru-guru Melayu, guru-guru Melayu yang berijazah untuk mengajar ilmu sains dan juga ilmu hisab.

Saya ingin mencadangkan sementara menunggu guru-guru Melayu yang berijazah daripada universiti-universiti dapat mengajar di sekolah-sekolah menengah khas untuk mengajar sains dan ilmu hisab ini, apakah tidak boleh Kementerian Pelajaran mengadakan satu kursus atau sebagainya yang difikirkan baik bagi melatih guru-guru Melayu yang sekarang ini bertugas sebagai guru-guru khas, mereka itu tidak berkelulusan universiti tetapi mereka adalah guru-guru khas yang mengajar sains dan ilmu hisab di sekolah menengah sama ada Tingkatan III, IV dan V diberi satu kursus intensif yang khas untuk mengajar ilmu sains dan ilmu hisab sama ada di Tingkatan V ataupun Tingkatan VI. Inilah yang saya dapat fikirkan jika sekiranya perkara ini kita hendak menaikkan taraf kelulusan setiap tahun apabila peperiksaan SPM diadakan ataupun SRP diadakan di sekolah-sekolah menengah di luar-luar bandar.

Kita dapati sekolah-sekolah menengah yang berasrama penuh misalnya, Sekolah MCKK, Kuala Kangsar, Sekolah STAR—Sekolah Tuanku Abdul Rahman sebagai contoh dan begitu juga sekolah-sekolah lain sama ada di Kuala Lumpur, di

Seremban dan sebagainya yang kita dapati keputusan peperiksaannya begitu baik walaupun kita katakan penuntut-penuntut itu adalah kita ambil daripada mereka yang benar-benar mempunyai I. Q. yang baik tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kecekapan guru-guru yang berijazah dan mengajar sekolah tersebutlah menyebabkan prestasi keputusan penuntut-penuntut itu baik. Jadi, di sekolah-sekolah menengah luar bandar apabila keputusan diisytiharkan, kita dapati peratus keputusan murid-murid itu tidak baik, kita tidak boleh terus menyalahkan kepada murid-murid, barangkali juga tidak mencukupi tenaga pengajar guru-guru yang berijazah ini juga menyebabkan keputusan peperiksaan murid-murid di luar bandar tidak mencapai taraf yang kita fikirkan sebagaimana yang kita hajat atau kita kehendaki.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya sangat bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat dari Matang iaitu masalah mengenai guru ini suatu perkara yang juga saya rasa perlu dikaji dan saya ada diberitahu bahawa perasaan jiwa mereka juga patut kita ambil perhatian oleh kerana keadaan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah ini jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan lain di dalam negara kita ini cara kenaikan pangkat mereka itu setelah berpuluh-puluh tahun bertugas maka apabila sampai masanya tidak dapat dinaikkan pangkatnya. Ini kita sedar oleh kerana taraf guru-guru yang mengajar hanya setinggi-tinggi pangkat yang kita boleh naikkan hanyalah sebagai Guru Besar ataupun Penolong Kanan sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah. Dan baru-baru ini apabila Kementerian Pelajaran melancarkan jawatan Penolong Pegawai Pelajaran Daerah barulah beberapa orang guru besar telah kita naikkan pangkatnya ke situ, tetapi bagi guru-guru profesional, guru-guru yang ada berijazah dan

sebagainya pada masa inipun sudah ada ataupun sudah ramai mereka yang sudah maksima gajinya.

Misalnya, kalau C2, mereka sudah mencapai mati gaji \$1,250 tetapi mereka akan bertugas selama 15 atau 20 tahun lagi. Jadi, apakah cara pemikiran ataupun apakah cara yang boleh difikirkan oleh Kementerian Pelajaran ini sama ada, misalnya saya memikir atau saya mencadangkan ada suatu cara yang boleh dilaksanakan iaitu kepada guru-guru yang mengajar, umpamanya mengajar Darjah V apabila Ujian Darjah V diadakan didapati keputusan murid-murid yang diajarnya itu baik, apakah tidak boleh guru yang berkenaan yang begitu rajin, yang begitu dedikasi itu ditimbangkan satu ganjaran kepada mereka itu bagi menaikkan semangat mereka atau semangat yang ada di antara guru-guru yang betul-betul mengajar, betul-betul bertugas tidak mengira penat dan lelah, tidak mengira waktu, mereka masuk mengajar pukul 7.00 sampai malam mereka bertugas, tidak kira hari minggu dan sebagainya, apakah tidak perlu diberi satu galakan kepada mereka yang benar-benar bertugas supaya terasa kepada guru-guru. Ada juga di antaranya yang tidak menjalankan tugas dengan baik itu, dia juga tidak rasa apa, gajinya sama, layanan sama. Jadi saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ataupun Kementerian yang berkenaan agar dapat memikirkan masalah guru-guru yang saya sebutkan.

Saya rasa itu sahajalah dan saya menyokong peruntukan tambahan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab .

5.43 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin

mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan memberi pandangan serta cadangan terhadap Kementerian Pelajaran. Saya sebenarnya tidak sangka begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap kalau melihat trend awal-awal tadi, tetapi nampaknya banyak juga specialist dalam bidang pelajaran dalam Dewan ini, maka mungkin itulah sebabnya 7 orang telah bercakap, jadi saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih dan merakamkan penghargaan saya selaku Menteri Pelajaran kepada Yang Berhormat dari Pekan, Kota Melaka, Parit, Kepong, Padang Rengas, Matang dan Bagan Datok.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang hendak menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan dengan begitu detail sekali terutama sekali banyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan merupakan perkara-perkara yang specific. Jadi, apa yang saya akan buat nanti ialah apabila saya menerima atau mendapat *Hansard* ini nanti, insya Allah kita akan mengkaji dan meneliti segala cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan jika difikirkan bahawa cadangan-cadangan itu menasabah dan difikirkan baik demi kepentingan pelajaran untuk negara kita, insya Allah kita akan timbang untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat dari Pekan telah menimbulkan masalah supaya Kementerian Pelajaran atau pihak Kerajaan Pusat mengambil alih sekolah agama di Pahang dan ini tidak boleh diabaikan. Di samping itu beliau telah meminta supaya membekalkan guru akademik secara langsung atau dengan cara pinjaman kepada sekolah-sekolah agama di negeri itu.

Tuan Pengerusi, saya suka mengatakan di sini, memanglah hasrat kita untuk memberi satu pelajaran

agama yang standardnya tinggi dan hendak memberi bantuan seberapa yang dapat tetapi kita mesti menyedari juga masalah agama adalah masalah bidang kuasa Negeri. Ini bermakna sebelum kita mengambil satu-satu tindakan sama ada dapat mengambil atau bersetuju mengambil alih pentadbiran sekolah agama itu, maka Kementerian Pelajaran terlebih dahulu mesti mendapat perundingan yang terperinci dan mendapat kelulusan ataupun kebenaran dan persetujuan daripada pihak yang berkuasa negeri.

Mengenai bekalan guru akademik, kita memang menyokong terutama sekali sekolah-sekolah yang menghendaki guru-guru akademik yang akan menghadapi peperiksaan.

Pihak Jawatankuasa Perancangan Pelajaran telah merumuskan supaya sekolah-sekolah seperti ini diberi pinjaman sekurang-kurangnya guru-guru akademik ini tetapi perundingan yang terperinci mestilah dijalankan dahulu sebelum kita dapat melaksanakan satu-satu rayuan itu.

Begitu juga tentang hasrat atau permintaan Yang Berhormat dari Pekan tadi supaya sekolah agama hendaklah didirikan di setiap daerah kalau dapat memanglah baik, tetapi kita terpaksa mengikut kemampuan kita.

Mengenai Kampus ITM di Jengka, saya sendiri telah diberitahu atas masalah ini dan telah pun mengarahkan pihak ITM supaya mengenalpastikan satu tapak di Jengka, kalau tidak salah ingatan saya untuk mendirikan Instituti Teknologi MARA ini tetapi dalam keadaan ekonomi negara kita sebegini rupa maka perkara seperti ini kita mestilah menimbang daripada segi priority.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan masalah Pelajaran Bahasa Ibunda. Di antara lain Yang Berhormat telah mengatakan bahawa program POL (Pupils' Own Language)

tidak memuaskan dan meminta Kementerian ini mengkaji semula program Pelajaran Bahasa Ibunda ini.

Tuan Pengerusi, kami di Kementerian Pelajaran seperti mana telah pernah dikatakan di dalam Dewan ini cukup berpuas hati dengan pelaksanaan program Pelajaran Bahasa Ibunda ini tetapi sebagai satu Kementerian atau Kerajaan yang realistik, kami tidaklah mengatakan ianya perfect. Jikalau ada cadangan supaya ini dikaji semula, itu tidak menjadi masalah, kita boleh timbangkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, mengenai larangan iklan dalam majallah-majallah sekolah. Sebenarnya kita memang menggalakkan usaha creative impulse sepertimana kata Ahli Yang Berhormat di kalangan murid-murid di sekolah kerana menggalakkan mereka memperbaiki bakat mereka dalam bidang penulisan dan lain-lain lagi. Tetapi apa yang menjadi masalah kadangkala sekolah-sekolah dan guru-guru ataupun mereka yang berkenaan dituduh itu dan dituduh ini. Oleh sebab itulah pihak Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan satu circular supaya kita tidak menerima iklan-iklan di majallah-majallah seperti ini. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak melarang sekolah-sekolah itu mengutip iklan-iklan bagi majallah-majallah dengan syarat-syarat tertentu iaitu kita tidak terikat atau sekolah-sekolah itu tidak terikat berkenaan dalam apa-apa cara jua pun.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai iklan. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa tidak akan membenarkan iklan-iklan

dalam majallah-majallah sekolah, tetapi kemudian ada kata bahawa akan membenarkan iklan-iklan didapati dengan syarat-syarat tertentu. Nampaknya kedudukan yang jelas tidak didapati. Apa yang sebenarnya kedudukan sekarang?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Kita tidak membenarkan sekolah-sekolah ini menerima iklan dalam mana-mana majallah pun kerana memang ada satu circular yang telah dikeluarkan oleh Kementerian kita atas masalah ini atas sebab-sebab yang telah saya jelaskan tadi. Walau bagaimanapun, jikalau sekiranya ada satu-satu permohonan yang tertentu dan selepas kita mengkaji permohonan ini maka kita boleh menimbang sama ada kita boleh membenarkan atau tidak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan kekurangan alat kelengkapan di sekolah asrama penuh yang baru dan telah menyebutkan banyak perkara tadi, seperti saya katakan tadi banyak perkara telah ditimbulkan itu merupakan perkara yang spesifik, jadi tidaklah dapat saya memberikan jawapan dengan secara detil. Walau bagaimanapun, saya akan mengkaji perkara yang telah ditimbulkan olehnya. Jika sekiranya didapati perkara itu betul dan patut di atasi, insya Allah, kita akan berbuat demikian, tetapi kalaulah sekolah asrama penuh baru itu mempunyai serba sedikit kekurangan kelengkapan padahal sekolah asrama penuh itulah merupakan sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang terbaik sekali, maka perkara seperti itu mungkin merupakan satu perkara sementara, boleh jadi daripada segi administrative problem, masalah pembekal lambat sedikit. Insya Allah, saya kaji dan siasat perkara ini dan berusaha mencari jalan mengatasi kesilapan itu atau kekurangan itu kalau didapati sedemikian.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menimbulkan satu dua perkara tentang kesulitan penempatan murid-murid Sekolah Menengah Kepong/Jinjang. Mengenai penempatan murid-murid sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah, memang Kementerian ini ataupun Jabatan Pelajaran Negeri selalu menghadapi kesulitan kerana menjadi tabiat manusia kebanyakan kita suka menghantar anak-anak kita ke sekolah yang ada prestij, yang ada nama, tetapi kadangkala sekolah itu kita rancang untuk begitu banyak murid, tetapi lebih banyak lagi orang hendak menghantar ke sekolah itu. Satu lagi masalah migration dari satu tempat ke satu tempat dan kadang-kadang kita dapati bahawa sekolah itu mengalami kekurangan murid dan ada pula sekolah yang mengalami lebihan murid. Itulah sebabnya sepertimana kata beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi timbulnya sekolah terapung-apung.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri jalan?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, biarlah saya habiskan sebab masa pendek. Mengeai seruan beliau supaya Kementerian saya ataupun Menteri menyiasat mengenai sekolah ini digunakan oleh penagih dadah, insya Allah, saya akan siasat dan begitu juga saya minta bagi pihak Ahli Yang Berhormat itu sendiri tolong siasat perkara ini supaya dengan ada kerjasama dua pihak nanti kita boleh "compare notes" kita, terutama sekali beliau sendiri adalah seorang doktor walaupun beliau pakar dalam bidang penyakit kulit.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang istimewa kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Inilah baiknya kita ada Wakil Rakyat

daripada guru-guru dan beberapa ahli lain yang penuh bersimpati dengan Kementerian ini dan dengan rasminya memohon simpati daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya lebih bersimpati dengan Kementerian Pelajaran ini. Sebenarnya, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adalah sangat bersimpati dengan Kementerian ini, bahkan beliau pun sudah menerima rayuan daripada saya sungguhpun belum dapat diluluskan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyebut masalah ketiadaan surau ataupun bilik untuk beribadat. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada beliau. Saya sendiri berpendapat sedemikian juga bahkan dalam suatu mesyuarat jawatankuasa pembangunan di Kementerian saya, saya sendiri telah membuat arahan supaya dalam rancangan kita mendirikan sekolah-sekolah pada masa akan datang, khususnya sekolah menengah, mana-mana yang dapat kita mengadakan surau bagi sekolah menengah dan bilik-bilik sembahyang di sekolah-sekolah rendah. Kalau dapat dengan bantuan daripada PIBG dan Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah kita mengadakan rumah ibadat seperti itu kerana bukan sahaja ia digunakan untuk mengajar anak-anak kita tetapi juga untuk kegunaan guru-guru yang mungkin terpaksa sembahyang waktu di sana.

Mengenai perabut, saya memang mengakui ada kalanya sekolah-sekolah menghadapi kekurangan perabut, terutama sekali sekolah-sekolah baru kadang-kadang timbul masalah daripada supplier atau kontraktor yang tidak dapat menyiapkan atau menyediakan bekalan dalam masa yang ditentukan. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berusaha untuk mencari jalan mengatasi perkara semacam ini dan berusaha mengelakkan perkara semacam ini berlaku dengan lebih kerap lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai di jabatan pelajaran dipercepatkan lagi. Terima kasihlah, memang itu menjadi tujuan kita, bahkan Kementerian Pelajaran telah mengadakan satu bangunan "MESTI", institut untuk memberi pelajaran latihan kepada pegawai di Kementerian Pelajaran supaya dapat mempertingkatkan lagi kecekapan mereka.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana kata saya tadi, saya tidak berhajat hendak menjawab serba satu perkara itu dan, insya Allah, saya akan melihat di dalam *Hansard* nanti dan kita akan mengkaji dan meneliti segala cadangan yang telah dikemukakan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30,148,161 yang disebutkan dalam Maksud P. 31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Pelajaran hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,148,161 untuk Maksud P. 31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981.

Maksud B. 32 (Jadual Pertama)—

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan Kepala B. 32 Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Dato' S. Samy Vellu: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Menteri ada berdiri mahu bercakap dalam Kementerian Luar Negeri

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya suka mengemukakan satu usul.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' S. Samy Vellu: Dukacita, Tuan Pengerusi tidak nampak saya berdiri di sini. Saya ingat Yang Berhormat dari Kota Melaka nampak.

Tuan Pengerusi: Maaf. Dia lagi cepat.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! Saya ingat dia mahu bercakap mengenai Kementerian Luar Negeri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan diluluskan mengikut mana yang terkemudian.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan diluluskan mengikut mana yang terkemudian.

Tuan Pengerusi: Sekarang kita menyambung perbincangan atas Kementerian Luar Negeri.

6.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mahu bangkitkan satu perkara sahaja dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri atas tujuan hal-hal politik.

Saya rasa mahu menyeru Kementerian Luar Negeri untuk mengambil sikap yang serius terhadap masalah yang ada ditimbulkan oleh militarisma baru—new militarism pihak Soviet Russia khasnya untuk menambahkan Pasukan Pertahanan atau lebih betulnya Pasukan Peperangan dalam tahun-tahun baru-baru ini khasnya dengan presence of Soviet Russia daripada segi military masalah Asia Pasifik dengan presence build-up lautan—Naval Military build-up, Soviet Russia yang merupakan satu ancaman terhadap kestabilan dan keamanan di Asia Pasifik. Saya rasa bahawa Kementerian Luar Negeri patutlah di semua forum-forum antarabangsa memberikan kedudukan Malaysia bahawa tidak boleh bersetuju dengan usaha-usaha Soviet Russia untuk menambahkan Military build-up di mana Pasukan Peperangan yang begitu mengancam dan kita ada nampak apa yang sudah berlaku di Afghanistan dan Kampuchea di mana Soviet Russia sudah mengadakan Rejim-rejim Boneka dan ini boleh

merupakan satu ancaman yang terbesar kepada keamanan dan kestabilan antarabangsa dan pun regional. Saya rasa ini perlu untuk dihighlightkan oleh Kementerian Luar Negeri di semua forum-forum antarabangsa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

6.02 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit mengenai Kementerian Luar Negeri.

Saya dapati bahawa Menteri Luar Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri telah memainkan peranan yang begitu baik sehingga negara Malaysia yang agak kecil di dalam dunia ini telah dipandang mulia terutama sekali oleh negara-negara Islam. Apa yang saya rasa bosan ialah berkenaan dengan tindakan kekejaman Israel terhadap orang-orang pelarian Palestine ataupun rakyat Palestine.

Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Luar Negeri, apakah tidak boleh diambil suatu inisiatif untuk menyatukan seluruh tenaga Angkatan Tentera sama ada Angkatan Tentera Barat, Angkatan Tentera Laut, Angkatan Tentera Udara dan sebagainya bagi menetapkan suatu masa dan suatu waktu yang tepat seluruh Angkatan Tentera negara-negara Islam ini menyerang Israel. Ini tidak pernah dilakukan. Saya fikir kalau berpuluh-puluh buah negeri yang saya nampak bukan alang-alang kekuatan tenteranya dapat memainkan peranan oleh Menteri Luar Negeri kita yang begitu bijak, barangkali walaupun tidak dapat dilaksanakan, dapat menakut-nakutkan kepada Israel pun cukuplah, kerana tindakannya yang sangat ganas yang kita bersimpati kepada rakyat Palestine, anak-anak yang menerima

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, point of order.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 12.

Tuan Pengerusi: Bacakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 12, saya baru dapat perhatian bahawa Usui yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri irregular, improper dan sebenarnya salah, oleh kerana semua Usui untuk tukar masa mesyuarat ialah patut dikemukakan dalam Dewan dan bukan dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa tidak ada kuasa untuk tukar masa bahawa kita tidak tangguhkan sehingga habiskan urusan itu, sebab itu kalau tidak tarik balik, batalkan Usul itu kita mesti tangguhkan pukul 7.00 malam. Saya rasa mungkin lebih baik kita tarik balik, hapuskan kelulusan, Committee adjourn balik kepada mesyuarat Dewan, barulah diusulkan lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Saya minta penjelasan. On a point of order diluluskan.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan objek, salah, salahlah, jangan malu—salah, salah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah kita faham.

Tuan Lim Kit Siang: Cukup, cukup. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali yang ketiga, dan Usui Pembangunan Tambahan diluluskan ikut mana yang terkemudian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Yang Dipertua. Saya mahu bertanya, apa yang berlaku kepada Usul tadi, hilang? Usui sudah diluluskan oleh Committee, apa akan terjadi? Saya mahu bertanya satu ruling apa yang terjadi, diexpunge atau apa?

Timbalan Yang Dipertua: Cukup. Yang Berhormat itu adalah satu kesilapan teknikal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usui atas nama Yang Berhormat Menteri yang dibacakan tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam

7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dibacakan kali yang ketiga, dan Usui Pembangunan Tambahan diluluskan ikut mana yang terkemudian.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sambung semula.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya fikir wakil dari Kota Melaka hendak membangkang apa yang saya ucapkan.

Sebagaimana yang saya perkatikan tadi, saya berharap Kementerian Luar Negeri sekiranya dapat memainkan peranan apa yang saya sebutkan tadi, saya merayulah kepada Kementerian Kewangan supaya dapat menambah peruntukannya kerana saya sedar walaupun negara kita kecil, tetapi pemikiran untuk sesuatu kebaikan dunia Islam ataupun negara-negara Islam adalah begitu baik pada hari ini. Sekiranya ini dapat dilakukan, saya fikir negara kita akan lebih dipandang mulia atau lebih terkenal keseluruhan negara. Sekianlah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

6.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap apa yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri untuk program Politik dan Penerangan, penjelasan di sini kurang jelas. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diambil oleh negara kita tentang soal Kampuchea pada beberapa tahun ini dan mendapat

kejayaan dalam Bangsa-bangsa Bersatu itu memang langkah-langkah yang baik.

Saya berharap usaha-usaha untuk memperkuat Kerajaan Campuran di Kampuchea itu akan diambil oleh negara kita dan Kementerian Luar Negeri. Saya berharap juga untuk tahun depan akan membangkitkan lagi hal Kerajaan Campuran untuk Kampuchea kerana saya dapat maklumat daripada pihak-pihak yang berkenaan ada negara-negara, terutamanya daripada Soviet Union sedang bekerja dengan kegiatan-kegiatan yang lebih untuk menghalang usaha-usaha ASEAN dari segi Kerajaan Campuran Kampuchea dan ada pula saya pernah mendengar seorang professor daripada Amerika Syarikat menyeru pihak kita janganlah membangkitkan hal ini lagi, kerana lama kelamaan kita tidak akan berjaya. Mujurlah pada tahun ini di Bangsa-bangsa Bersatu kita dapat lagi satu kejayaan dan dengan tambahan undi menyokong dasar kita dari segi Kerajaan Campuran. Ini kita terpaksa meneruskan usaha kerana pihak Soviet Union, pihak Vietnam terus mempergiatkan aktiviti-aktiviti, terutamanya di sempadan Kampuchea dengan Thailand.

Saya ada dapat maklumat-maklumat yang baru bahawa kegiatan ini ditambahkan lagi, jadi ini bukan satu gejala yang baik, kerana pada pendapat saya ketenteraman Vietnam yang dibantu oleh Soviet Union itu terkuat sekali di kawasan sini dan jika kita tidak berwaspada tidak tahulah apa akan terjadi kalau kegiatan-kegiatan Vietnam dan Soviet Union itu tidak dihalang.

Dengan ini saya menyeru pihak Kerajaan, terutamanya Kementerian Luar Negeri supaya bekerjasama dengan kelima-lima negara ASEAN ini diperkuatkan lagi, terutamanya dalam bidang ekonomi, kerana kita tidak mempunyai ketenteraman yang

sekuat-kuat kalau dibandingkan dengan pihak Vietnam, maka kita hendaklah memperkuat ekonomi serantau dan dengan ini sekianlah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.16 ptg.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, Kementerian Luar Negeri mengambil perhatian terhadap segala pandangan-pandangan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Bila Yang Berhormat Menteri ambil alih Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan sekarang Kementerian Luar Negeri?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Point of order, Tuan Pengerusi. Saya masih berdiri, nanti dahulu, biar saya duduk, kemudian bercakaplah. Saya duduk, sekarang cakap!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh. Boleh beliau ambil alih begitu banyak Kementerian-kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Luar Negeri?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan atau apa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bertanya sama ada beliau ada ambil alih, ada acting Minister atau apa?

Tuan Pengerusi: Nanti, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, apa capacity?

Tuan Pengerusi: Apa point of order itu Yang Berhormat? Sebutkan Tertib Mesyuarat itu!

Tuan Lim Kit Siang: Kalau orang yang salah itu jawab. (*Disampuk*).

Tuan Pengerusi: Tertib Mesyuarat, Yang Berhormat! Kalau tidak ada point of order, saya tidak benarkan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan cari. (*Disampuk*).

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Sebutkan point of order, jadi saya boleh jawablah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sambungkan ucapan dahulu.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, dia mesti tarik balik dahulu kenyataan yang bukan-bukan.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik apa?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Ini point of order mengganggu saya bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, sekarang saya cari.

Tuan Pengerusi: Dia sedang cari point of order, mungkin mengambil 1 jam, 2 jam (*Disampuk*).

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Biar dia cari dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tunggu, boleh tunggu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sambung, jangan membazirkan masa.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi keutamaan kepada kepentingan Dewan ini daripada kepentingan-kepentingan ahli-ahli Pembangkang yang mahu mensiakan masa Dewan ini. Saya keciwa dengan Yang Berhormat. (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, sebagai Pemangku Menteri Luar Negeri, saya hanya ingin menjawab dari segi pandangan-pandangan ini bahawa Kementerian akan mengambil perhatian berat terhadap pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh ketiga-ketiga Ahli-ahli Yang Berhormat. Tentu sekali masalah-masalah yang dikemukakan akan didasarkan kepada dasar kita dan juga keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,061,395 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,061,395 untuk Maksud B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B. 34 dan B. 36 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 33 dan B. 34 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 34 dan B. 36 tahun 1981, B. 33 dan B. 34 tahun 1982 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

6.19 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, semalam dalam perbincangan, saya ada bertanya bahawa mengenai peruntukan Maksud 33 untuk Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1982 sebanyak \$2.6 juta yang dikehendaki untuk menyelesaikan tuntutan bayaran pampasan kepada waris-waris sah berhubung dengan tragedi kemalangan Kapal terbang Sistem Penerbangan MAS di Tanjung Kupang

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sebut muka surat itu?

Tuan Lim Kit Siang: Maksud 33, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1982. Sama ada \$2.6 juta ini ialah sebagai satu penyelesaian yang sepenuhnya kepada semua mangsa-mangsa tragedi kemalangan -kapal terbang MAS di Tanjung Kupang Johor pada 4hb Disember, 1977.

Saya sangat terperanjat apabila bagi pihak Kerajaan satu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang berbunyi, saya bacakan, Tuan Pengerusi:

"Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan berkenaan dengan suguhati bagi mangsa-mangsa penerbangan MAS yang telah mengalami kemalangan di Tanjung Kupang. Ingin saya mengingatkan beliau bahawa di dalam peruntukan tambahan ini pihak Kementerian saya tidak ada meminta apa-apa peruntukan untuk membayar suguhati kepada mereka yang berkenaan. Namun demikian perkara ini adalah dalam penyelesaian oleh syarikat insuran yang berkenaan."

Inilah satu contoh yang baik di mana tangan kanan Kerajaan tidak tahu apa tangan kiri sedang buat. Apa yang saya mahu bertanya lagi ialah kalau penyelesaian mangsa-mangsa MAS ataupun tragedi kemalangan MAS di Tanjung Kupang, Johor ialah tanggungjawab insuran, kenapa di hari ini kita diminta untuk peruntukkan \$2.6 juta untuk menyelesaikan tuntutan bayaran pampasan kepada waris-waris sah berhubung dengan tragedi kemalangan kapal terbang Sistem Penerbangan MAS. Adakah Perbendaharaan dengan cara yang tidak sah meminta kita mengeluarkan \$2.6 juta?

Apa yang saya harapkan ialah satu penjelasan, satu jawapan sama ada \$2.6 jura itu satu penyelesaian yang sepenuhnya kerana tadi kita sudah dengar bahawa Kerajaan tidak mahu wang ini, tidak bertanggungjawab atas wang ini, itu hal insuran. Saya haraplah satu Kerajaan yang cekap, yang licin tidak semacam ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi satu penerangan yang jelas, yang memuaskan hati.

Itulah sahaja yang saya mahu timbulkan dan saya harap bahawa selepas ini tangan kanan Kerajaan tahu apa tangan kiri Kerajaan buat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

6.23 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah telah menjawab tentang Syarikat Gula Negeri Sembilan tetapi timbul semula dengan perbincangan untuk Kementerian Kewangan kerana pembayaran balik pinjaman yang dilakukan oleh Syarikat Gula Negeri Sembilan. Saya berharap pihak FELDA yang mengambil alih tanah Syarikat Gula Negeri Sembilan itu selesailah dengan hal tanahnya bagi syarikat yang sudah gugur itu. Tetapi hari ini minta lagi untuk menjelaskan pembayaran balik pinjaman. Jadi bilakah akan selesainya hal yang begitu memalukan kita semua kerana penyelewengan, pemborosan, pembaziran dan kendalian syarikat yang tidak cekap dan sebagainya.

Sebab itu saya hendak bertanya pihak Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian Kemajuan Tanah sama ada adakah lagi pinjaman-pinjaman yang tidak diselesaikan pada ketika ini, sebab saya tidak mahu pada tahun hadapan ada satu butiran lagi yang menunjukkan "Syarikat Gula Negeri Sembilan". Baiklah kita lupakan hal yang tidak diingini.

Mengenai Maksud B. 36, wang yang diminta untuk Kastam dan Eksais Di Raja sebanyak \$412,269 untuk kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan Kastam dan pembayaran kerja lebihmasa kepada kakitangan-kakitangan yang bertugas di stesen-stesen. Dengan kenaikan gaji, pangkat dan sebagainya, saya berharap perkhidmatan yang diberi oleh kakitangan-kakitangan Kastam dan Eksais ini akan bertambah baik dan tidak akan berlakunya rasuah, kecuaiian dan ketidakcekapan. Inilah yang diharap-harapkan oleh rakyat jelata terutamanya orang-orang yang melalui kastam, misalnya di Johor pergi ke Singapura dan sebaliknya, di Padang Besar di utara dan sebagainya, walaupun ada kegiatan penyeludupan, saya faham, dan ada tindakan yang diambil oleh pihak Kastam dan Eksais tetapi pada pendapat saya tidak mencukupi untuk menghalang penyeludupan terutamanya dadah yang menambahkan masalah-masalah penagihan dadah dan pengedaran dadah di Malaysia sehingga wujudnya satu keadaan di mana Malaysia terutamanya Pulau Pinang

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tumpukan kepada butiran-butiran yang di bawah Kepala itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Saya menyebut tentang peranan, tugas dan tanggungjawab Kastam.

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala itu hanya sebut Gaji dan Upahan sahaja, Yang Berhormat. Ini tidak kena-mengena dengan dadah dan sebagainya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, perkara yang saya sebutkan tadi berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab Kastam dan Eksais. Walau bagaimanapun saya berharap dengan bertambahnya gaji, kenaikan pangkat, perkhidmatan akan bertambah baik dan tugas-tugasnya akan lebih giat lagi dan berkesan

sejajar dengan cogankata yang seringkali dilaung-laungkan: "Cekap, Bersih dan Amanah". Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.29 *ptg.*

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang dilakukan oleh tangan kiri diketahui oleh tangan kanan. Saya tidak memberi penjelasan lanjut kepada teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bijaksana itu petang semalam oleh kerana saya hendak jawab di hadapan dia sendiri, kerana dia tidak ada dalam Dewan. Jadi tidaklah saya membuang masa menjawab soalan-soalan yang kecil yang telah pun terang dalam nota yang ada yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi kalau ingin juga kepada kenyataan daripada saya, saya sukalah memberi sedikit penjelasan mengenai permohonan yang dibuat oleh Perbendaharaan menerusi Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Sebenarnya, Jabatan Penerangan Awam di bawah Kementerian Pengangkutan tidak membuat permohonan. Jadi, apa yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan itu memanglah betul. Ini tidak bererti dia tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh pihak yang lain. Saya sengaja tidak jawab. Permohonan ini dibuat oleh Perbendaharaan untuk mewujudkan satu Akaun Amanah yang akan dikendalikan bersama di antara Peguam Negara dan Underwriters bagi menyelesaikan tuntutan-tuntutan serta bayaran kepada mereka yang telah diteruskan oleh Mahkamah. Kita difahamkan bahawa Mahkamah telah menerima semua sekali tuntutan daripada waris simati kemalangan MAS di Tanjung

Kupang pada bulan Disember, 1977. Ada sebahagian daripada mereka yang menuntut belum berpuas hati dengan apa pampasan yang sanggup dibayar oleh pihak MAS. Jadi itulah sebabnya kita fikir untuk hendak menyelesaikan tuntutan ini- yang masih belum selesai lagi diadakan Akaun Amanah ini untuk menemui segala perkara yang perlu dibayar sekarang ini sebelum perkara ini diselesaikan secara muktamad.

Berbalik kepada soalan Gula Negeri, saya rasa tidak perlu saya menjelaskan dengan panjang lebar walaupun pandangan bernas yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi supaya perkara ini tidak berulang dan patut diselesaikan di sini. Saya harap Ahli Yang Berhormat faham bahawa apa yang dipohon oleh Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan seperti yang dinyatakan itu iaitu \$13,583,067 adalah semata-mata hendak menjelaskan hutang-hutang yang diperolehi oleh Syarikat Gula Negeri Sembilan tempoh hari yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Setakat yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan maka kami terpaksa mendapat kelulusan daripada Dewan ini untuk mengadakan wang yang cukup bagi menjelaskan hutang-hutang yang tidak boleh dibayar itu tetapi dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Sama ada perkara Syarikat Gula Negeri Sembilan ini akan berlanjutan atau tidak itu luar bidang kuasa Kerajaan Pusat setakat ini. Apa yang ada di hadapan kita pada petang ini, ialah mengenai garanti yang telah pun diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada pihak peminjam yang telah mengadakan peruntukan wang bagi Syarikat Gula Negeri Sembilan.

Saya suka menegaskan di sini kalaulah ada perkara berlaku seperti Syarikat Gula Negeri Sembilan, tempoh hari berlaku sedikit-sebanyak penyelewengan di Bank Rakyat, seolah-olahnya kita di dalam Kerajaan

ini suka perkara ini berlaku. Yang marah, yang tidak setuju pihak Pembangkang sahaja, kita ini duduk di sini macam dunggu, macam orang bodoh, hendak mengaminkan segala perkara yang berlaku secara curang.

Kerajaan juga bertanggungjawab, Kerajaan telah melakukan projek-projek seumpama itu adalah sealiran dengan dasar sosio-ekonomi hingga melihat supaya kita berkecukupan pada bekalan gula dalam negeri. Syarikat Gula ini ditaja dan diusahakan menerusi SEDC Kerajaan Negeri Sembilan. Semata-mata supaya dapat membekalkan gula bagi rakyat di Malaysia. Tempoh hari harga gula naik tinggi, semua orang menjerit-jerit, termasuklah pihak Pembangkang, menuduh Kerajaan tidak membuat persediaan supaya ada bekalan cukup bagi rakyat di Malaysia.

Kita di samping mengadakan kontrak jangka panjang dengan pengeluar-pengeluar gula di dunia, juga ada megambil langkah-langkah seberapa-upaya untuk mengadakan bekalan dalam negeri supaya rakyat sentiasa akan diberi gula yang cukup. Jadi tuduhan mengatakan bahawasanya kita ini selalunya kalau buat sesuatu bankrup, tidak betul, tidak cekap, tidak boleh diterima. Kerana apa yang ditimbulkannya satu dua perkara, yang banyak lagi telah berhasil tidak timbul langsung. Ada dua lubang jalan di antara Kuala Lumpur dengan Seremban pun, kata belumbang beratus. Ada banyak kemalangan. Yang ada kemalangannya hendak jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban, kalah di Seremban dalam pilihanraya 1982 (*Tepuk*) itu kemalangan besar. Jadi, tak usahlah diungkit-ungkitkan perkara ini oleh kerana ini adalah tabiat Pembangkang. Apa juga ada sedikit perkara kecil, dia timbulkan besar supaya pihak Pemberita boleh melaporkan di muka depan suratkhabar.

Kita tidak akan menyembunyikan sesuatu pun daripada Dewan dan rakyat atas perkara yang dilakukan oleh Kerajaan. Misalnya, soal garanti tadi dan juga soal pampasan akan dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini menerusi penyata akaun tahunan Kerajaan Persekutuan dan menerusi risalah-risalah yang merupakan kertas-kertas Perintah yang sentiasa dibentangkan di atas meja Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ulasan ringkas saya ini, sukalah saya sebutkan sedikit mengenai Kastam yang selalu kena pukulan hebat yang seolah-olahnya semua orang dalam Kastam itu rasuah, semua orang dalam Kastam tidak cekap dan sebagainya dan oleh kerana itu tidak perlulah Dewan ini meluluskan permohonan Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi membayar kenaikan gaji dan juga imbuhan elauan dan sebagainya.

Saya berdiri di sini bagi pihak Kerajaan mengatakan Kastam, telah menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya dengan baik. Oleh kerana itu tidak kedengaran kehilangan hasil yang besar. Memang diakui bahawa berlaku sedikit-sebanyak kecurangan. Maklum sahajalah di dalam satu keluarga pun ada satu dua "blacksheep" dan ini dalam DAP pun ada (*Ketawa*) bukan tidak ada, itu sebab berlaku riuh-rendah di Kota Melaka, di Perak dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya tidak hendak dengar penjelasan. Saya hendak teruskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia belum cakap tidak beri jalan—mana saya tahu.

Tuan Pengerusi: Itulah dengar!

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya hendak mengatakan di sini tidak perlu diungkit-ungkit kerana kita sedar selogan yang kita gunakan untuk pilihanraya baru-baru ini bukan terhenti setakat pilihanraya semata-mata, ianya akan diamalkan, akan dipraktikkan, tetapi dalam pada menjalankan tugas kita hendak mengawasi sebarang kecurangan dan kepincangan yang belaku itu kita berkehendakan kepada kerjasama daripada semua pihak, termasuk Pembangkang dengan syarat kerjasama itu constructive, jangan destructive seperti yang ditunjuk dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja ulasan saya terhadap teguran-teguran terhadap peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$13,583,067 untuk Maksud B. 34 dan \$412,269 untuk Maksud B. 36 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$7,600,000 untuk Maksud B. 33 dan \$26,325,600 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,583,067 untuk Maksud B. 34 dan \$412,269 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$7,600,000 untuk Maksud B. 33 dan \$26,325,600 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Walaupun keputusan-keputusan untuk menangguhkan Majlis pada hari ini hingga jam 7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 diluluskan, Dewan ini ditahgguhkan pada jam 7.00 malam ini.

Menteri Perajaran (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri yang dibacakan tadi disetujui.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, apa ini main-main, mahu tidak mahu berilah sebab, suatu masa bercakap mahu sampai mid-night, sekarang cakap tidak mahu sampai mid-night. Kita mahu dengar, sebab-sebab sekurang-kurangnya.

Dato' S. Samy Vellu: On a point of order. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka mendapat kebenaran daripada Tuan Yang Dipertua, sebelum beliau berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana, Tuan Yang Dipertua, sebab-sebab diberikan oleh Yang Berhormat Menteri oleh kerana Dewan ini tidak sepatutnya dijadikan satu tempat main-main.

Timbalan Yang Dipertua: Yany Berhormat, sila berikan tertib mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri bukan on a point of order, tetapi meminta satu sebab-sebab daripada Yang Berhormat Menteri sahaja, itu sangat menasabah, apa sebabnya, saya mahu dengar. Tidak ada point of order. Saya mahu bertanya, apa sebab sahaja.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, keputusan saya ialah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ini tidak akan dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak minta perbahasan, saya minta sebab-sebabnya sahaja.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak perlu

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tak bersebab, saya tidak boleh cakap apalah, tentu ada sebab.

Dato' S. Samy Vellu: Yang Berhormat

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri juga tidak perlu beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau dia mahu main-main tidak apalah, itu lain hallah.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, jikalau Tuan Yang Dipertua beri saya kebenaran, saya boleh jawab kepada Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Jawab—tidak payah jawab, saya bukan hendak perbahasan. (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Tidak payah Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Yang Berhormat itu baru tadi shaja dia minta, kalau saya mahu jawab, bolehlah.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, tidak payah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah berunding dengan Yang Berhormat Dato' Speaker yang saya percaya ini adalah keputusan di antara Yang Berhormat Menteri dengan Dato' Speaker kita.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Walaupun keputusan-keputusan untuk menengguh Majlis pada hari ini hingga jam 7.00 malam atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 diluluskan, Dewan ini ditangguhkan pada jam 7.00 malam ini.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 37 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala B. 37 dan Kepala P. 37 tahun 1982 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ramai Ahli-ahli Parlimen di sini tidak ada seorang pun berdiri untuk berucap tentang Kementerian yang begitu penting

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya berharap tiap-iap kali saya diberi peluang sebegitu baik . . .

Tuan Pengerusi: Patut ucap terima kasihlah (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, wang yang diminta itu sebahagian besar daripada Kementerian Perusahaan Awam itu pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri yang tadi pun kita sudah sebutkan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan. Jadi saya ada di sini satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam yang jawabannya pada 29hb November, 1982 tentang syarikat-syarikat di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang dikatakan bahawa dalam sesi yang lalu PKEN-PKEN dan UDA telah masing-masing menubuhkan sebanyak 321 dan 113 buah syarikat-syarikat semenjak mereka ditubuhkan. Daripada jumlah ini syarikat-syarikat yang telah ditutup ialah sebanyak 41 buah bagi PKEN-PKEN dan 9 buah bagi UDA. Jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat PKEN-PKEN tersebut ialah lebih daripada \$62 juta termasuk \$45 juta yang dialami oleh Syarikat Gula Negeri Sembilan tidak terhabisnya kedengaran dengan Syarikat Gula Negeri Sembilan.

Sementara syarikat UDA pula telah mengalami kerugian sebanyak \$521,089. Syarikat-syarikat ini termasuklah syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang pertanian, elektronik, pembuatan memproses makanan dan sebagainya. Jadi sebab-sebab kerugian yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan ialah termasuk faktor-faktor teknikal seperti iklim dan tanah yang tidak sesuai, malangnya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tidak ada; tadi dia dengar—baik, dan faktor-faktor kegagalan termasuk iklim dan

tanah yang tidak sesuai, untuk menanam tebu. Persaingan pasaran yang hebat dan kelemahan diakui; iaitu kelemahan pengurusan dan kurangnya kemahiran untuk mengendalikan syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat tersebut ditutup setelah dikaji dengan teliti dan didapati bahawa masa hadapan syarikat-syarikat tersebut adalah tidak meyakinkan. Jadi ini suatu langkah yang baik. Saya berharap langkah seperti ini dipergunakan untuk menguruskan syarikat-syarikat yang tidak menguntungkan. Dan ada pula dilaung-laungkan di sini langkah-langkah yang diambil atau tindakan yang diambil sekiranya tidak mencapai tahap prestasi seperti yang dirancangan. Jadi sukaiah saya membangkitkan hal PKNS—Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Untuk tahun hadapan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan untuk PKNS ialah \$10 juta. Sehingga akhir tahun 1981 iaitu 31hb Disember, 1981 tidak termasuk tahun 1982 pinjaman diberi kepada PKNS melalui Kerajaan Negeri ialah \$245,354,413. Bayaran balik kepada Kerajaan Negeri hanya \$14,346,051. Yang cukup masanya ialah \$56,060,377 yang hendak dibayar balik mulai dari tahun 1982. Malangnya, seringkali berlaku wang-wang yang hendak dibayar balik tidak dibayar balik mengikut jadual masa dan tempohnya. Wang-wang yang dibayar balik jikalau adapun faedah-faedah, dividen-dividen tidak dipermodalkan. Pinjaman yang didapati sama ada secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan ataupun melalui Kerajaan Negeri adanya tidak digunakan bagi maksud ianya diperolehi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sebutkan Kepala Bekalan.

Dr Tan Seng Giaw: Kepala P. 37.

Tuan Pengerusi: Sila bacakan.

Dr Tan Seng Giaw: Maksud P. 37.

Tuan Pengerusi: Adakah berkaitan dengan apa yang dicakapkan?

Dr Tan Seng Giaw: PKNS. Ada kena-mengena.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Dalam Kertas Perintah ini tidak ada peruntukan untuk memohon tambahan bagi PKNS.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada peruntukan Perbadanan Kemajuan Negeri, iaitu potong "S" itu menjadi PKN.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Peruntukan tidak ada dalam Kertas Perintah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada peruntukannya Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tolong tunjukkan kertas itu. Tetapi dalam Kertas Perintah 30 ini ada.

Tuan Pengerusi: P. 37.

Dr Tan Seng Giaw: \$100 juta.

Tuan Pengerusi: Untuk perbadanan Kemajuan Negeri tidak ada diberikan peruntukan.

Dr Tan Seng Giaw: Ada di sini.

Tuan Pengerusi: Peruntukan jumlah besar itu untuk butir-butir atau projek-projek lain, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi

Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Tuan Pengerusi, tidak ada peruntukan khas untuk selangor.

Dr Tan Seng Giaw: Sebab itu saya kata PKNS dan potong "S" itu. Jadi, saya berharap

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat untuk memotong "S" itu perlu memberi notis. (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Jadi semasa ada gangguan dan kekacauan saya tidak menyebutkan di sini, maklumlah kita mohon sahaja daripada Tuan Pengerusi. Jadi wang yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam bagi Pembangunan untuk tahun 1982 sebanyak \$100 juta, saya berharap Kementerian yang berkenaan akan memperbaiki lagi jentera-jentera dan kaedah-kaedah untuk pengurusan dan kawalan ke atas syarikat-syarikat (*Disampuk*)—nampaknya masih ada kacau lagi (*Ketawa*). saya harap Kementerian yang berkenaan akan memperketatkan lagi kawalan dan pengurusan ke atas syarikat-syarikat di bawah Kementerian supaya tidak berlakulah kerugian dengan lebih banyak lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu telah melarat sedikit—melarat oleh kerana tidak membuat persiapan (homework) atas apakah yang dibincangkan pada hari ini. Terima kasih beliau juga memuji langkah-langkah yang kita ambil, langkah-langkah di mana prestasi-prestasi anak syarikat yang tidak memuaskan kami tutup.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Dato' Abdul Manan bin Othman: Saya benarkan apa yang dia hendak cakapkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, langkah-langkah yang baik kita tidak akan menentang, tetapi jika berlakunya penyelewengan dan kecurangan, baharulah kita menyuarakan di Dewan yang mulia ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan semuanya mesti baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sudah habis jawapan Yang Berhormat?

Dato Abdul Manan bin Othman: Sudah habis (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa sejumlah \$7,000,000 untuk Maksud B. 37 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,000,000 untuk Maksud B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$100,000,000 yang disebutkan dalam

Maksud P. 37 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,000,000 untuk Maksud P. 37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 6hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.